



JABATAN AUDIT NEGARA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI DAN
PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI

JOHOR
TAHUN 2018



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI JOHOR
TAHUN 2018**

Jabatan Audit Negara Malaysia

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
RINGKASAN EKSEKUTIF	xi
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR	
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018	
Pendahuluan	1 - 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 - 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	1 - 4
BAHAGIAN II	
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	2 - 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 - 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 - 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 - 4
Wang Awam	2 - 6
Akaun Hasil Disatukan	2 - 7
Akaun Pinjaman Disatukan	2 - 15
Akaun Amanah Disatukan	2 - 16
Penyata Akaun Memorandum	2 - 27
Nota Kepada Penyata Kewangan	2 - 32
Rumusan Audit	2 - 35
Syor Audit	2 - 35

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Pendahuluan	3 - 3
Pengauditan Penyata Kewangan	3 - 3
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 - 4
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 - 5
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 - 6
Pembentangan Penyata Kewangan	3 - 8
Analisis Prestasi Kewangan	3 - 10
Bidang Utama Audit (<i>Key Audit Areas</i>)	3 - 18
Rumusan Audit	3 - 19
Syor Audit	3 - 19

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan	4 - 3
Mesuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri	4 - 3
PENUTUP	5 - 3

LAMPIRAN

Lampiran I	-	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	6 - 3
Lampiran II	-	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	6 - 7
Lampiran III	-	Penyata Kedudukan Kewangan	6 - 8
Lampiran IV	-	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	6 - 9
Lampiran V	-	Penyata Prestasi Kewangan	6 - 10
Lampiran VI	-	Penyata Akaun Memorandum	6 - 11
Lampiran VII	-	Nota Kepada Penyata Kewangan	6 - 12

AKRONIM	7 - 3
----------------	--------------

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agenzi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pula akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Johor.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agenzi Negeri Johor Tahun 2018 ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agenzi Negeri; dan
 - iv. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan negeri sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

21 Oktober 2019



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan.
- Penyata ini melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun persekutuan dan negeri.
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan negeri.
- Analisis yang dibuat adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Johor secara menyeluruh pada akhir tahun 2018, di samping membantu kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

Apa yang ditemui Audit?

BAHAGIAN I Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM2.464 bilion iaitu meningkat sejumlah RM39.60 juta atau 1.6% berbanding RM2.425 bilion pada akhir tahun 2017.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan lebihan semasa berjumlah RM5.25 juta. Kutipan hasil menurun sejumlah RM13.66 juta atau 0.9% menjadi RM1.543 bilion berbanding RM1.557 bilion pada tahun 2017.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan Negeri atau Rancangan Johor 5 Tahun (RJ5T) di bawah RMKe-11 pada tahun 2018 adalah baik iaitu sejumlah RM1.892 bilion atau 53.3% telah dibelanjakan berbanding RM3.550 bilion peruntukan yang diluluskan. Daripada 2,783 jumlah projek yang dirancang, 2,630 projek atau 94.5% telah disiapkan sepenuhnya, 96 projek atau 3.5% sedang dilaksanakan dan 57 projek atau 2% masih belum dimulakan.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM44.74 juta atau 8.1% daripada RM549.61 juta pada tahun 2017 kepada RM504.87 juta pada tahun 2018.
- Jumlah hutang awam menurun sejumlah RM7.50 juta atau 1.4% menjadi RM520.94 juta berbanding RM528.44 juta pada tahun 2017. Tunggakan bayaran balik hutang awam oleh kerajaan negeri berjumlah RM334.51 juta tidak menunjukkan sebarang perubahan pada tahun 2018.

BAHAGIAN III

Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- Sehingga 31 Ogos 2019, kedudukan penyerahan penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2018 adalah memuaskan di mana 24 atau 80.0% daripada 30 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2018 untuk diaudit.
- Lima (5) daripada 24 Penyata Kewangan tahun 2018 telah disahkan dan diberi Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran iaitu dua (2) penyata kewangan BBN dan tiga (3) penyata kewangan PBT. Bagi tujuh (7) penyata kewangan BBN dan 12 penyata kewangan PBT masih belum disahkan.
- Berdasarkan dua (2) penyata kewangan BBN, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 adalah memuaskan berbanding tahun 2017.
 - Pada akhir tahun 2018, lebihan pendapatan terkumpul BBN meningkat sejumlah RM87.58 juta atau 4.4%, lebihan jumlah aset meningkat sejumlah RM291.58 juta atau 11%, aset semasa bersih meningkat sejumlah RM46.54 juta atau 24.7% dan lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa meningkat sejumlah RM78.72 juta atau 83.9% berbanding tahun 2017.
 - Pada 31 Disember 2018, 22 daripada 41 anak syarikat di bawah satu (1) BBN telah mendapat lebihan terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM8.211 bilion. Sebanyak 19 anak syarikat menunjukkan defisit terkumpul keseluruhannya berjumlah RM1.246 bilion.
- Berdasarkan tiga (3) penyata kewangan PBT, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti berikut:
 - prestasi kewangan bagi tiga (3) PBT telah mencatatkan penurunan lebihan sejumlah RM26.29 juta atau 53.4% pada tahun 2018. Dua (2) PBT iaitu Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Daerah Tangkak mencatatkan lebihan berjumlah RM24.20 juta dan RM0.14 juta. Manakala, Majlis

Daerah Pontian mencatatkan defisit RM1.39 juta. Hasil cukai taksiran tahun 2018 berjumlah RM156.75 juta iaitu meningkat sejumlah RM8.07 juta atau 5.4% berbanding tahun 2017. Tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berjumlah RM36.40 juta iaitu peningkatan sejumlah RM2.59 juta atau 7.7% berbanding tahun 2017.

BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI JOHOR**
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

FAKTA UTAMA PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

01.01.2018 - 31.12.2018 tahun kewangan kerajaan negeri	31 Julai 2019 tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	2 April 2019 tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa kewangan negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 kepada Jabatan Audit Negara pada **2 April 2019**. Penyata yang disediakan melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2018 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh kerajaan negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2018. Terimaan terdiri daripada hasil, terimaan pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti kerajaan negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti kerajaan negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018. Teguran Audit telah dibangkitkan kepada pihak Perbendaharaan Negeri Johor dan jabatan negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. *Exit Conference* bersama YB Pegawai Kewangan Negeri serta ketua jabatan/agensi negeri telah diadakan pada **18 Julai 2019**.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan

dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada bulan Disember 2011. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Penyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN
NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI		
PRESTASI KEWANGAN ↓ HASIL 2018 - RM1.543 bilion 2017 - RM1.557 bilion	KUMPULAN WANG DISATUKAN ↑ AKAUN HASIL DISATUKAN 2018 - RM1.126 bilion 2017 - RM1.123 bilion	AKAUN MEMORANDUM ↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT 2018 - RM504.87 juta 2017 - RM549.61 juta
BELANJA ↓ 2018 - RM1.563 bilion 2017 - RM1.662 bilion	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN 2018 - RM 0 2017 - RM 0	PELABURAN ↑ 2018 - RM702.37 juta 2017 - RM694.37 juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN 2018 - RM1.338 bilion 2017 - RM1.302 bilion	↓ HUTANG AWAM 2018 - RM520.94 juta 2017 - RM528.44 juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018 juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata kewangan kerajaan negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan keseluruhan hasil berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2018, sumber dana kerajaan negeri berjumlah RM1.543 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana adalah bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM1.563 bilion. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah mencatatkan kurangan hasil berjumlah RM19.62 juta berbanding kurangan pada tahun 2017 berjumlah RM105.23 juta. Kurangan ini menurun disumbangkan oleh terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan pada tahun 2018. Butiran Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2018 DAN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
JUMLAH HASIL	1,543.03	1,556.69	-13.66	-0.9
(-) Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	947.78	951.42	-3.64	-0.4
(-) Perbelanjaan Pembangunan	614.87	710.50	-95.63	13.5
JUMLAH PERBELANJAAN	1,562.65	1,661.92	-99.27	-6.0
LEBIHAN/KURANGAN	19.62	105.23	-85.61	-81.4
Kurangan Dibiayai Oleh:				
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	27.03	20.76	6.27	30.2
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	-7.41	84.47	-91.88	-108.8
JUMLAH	19.62	105.23	-85.61	-81.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

3.3. Analisis Audit mendapati hasil kerajaan negeri menunjukkan penurunan sejumlah RM13.66 juta atau 0.9% daripada RM1.557 bilion pada tahun 2017 kepada RM1.543 bilion pada tahun 2018. Perbelanjaan juga menunjukkan penurunan sejumlah RM99.27 juta atau 6% daripada RM1.662 bilion pada tahun 2017 kepada RM1.563 bilion pada tahun 2018. Penurunan perbelanjaan pada tahun 2018 memberikan kesan kepada penurunan defisit daripada RM105.23 juta pada tahun 2017 kepada RM19.62 juta pada tahun 2018.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2018, Kumpulan Wang Disatukan mencatat peningkatan sejumlah RM39.60 juta atau 1.6%, iaitu RM2.464 billion berbanding RM2.425 bilion pada tahun 2017. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	1,126.44	1,122.84	3.60	0.3
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,337.84	1,301.84	36.0	2.8
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	216.09	212.64	3.45	1.6
	• Kumpulan Wang Pembangunan	-319.58	-321.73	-2.15	-0.7
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	535.67	534.37	1.30	0.2
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	665.35	757.28	-91.93	-12.1
	iii) Akaun Wang Deposit	456.40	331.92	124.48	37.5
	JUMLAH	2,464.28	2,424.68	39.60	1.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017


4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

BIL.	BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	844.67	998.50	1,117.57	1,122.84	1,126.44
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	10.18	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,454.59	1,628.54	1,546.27	1,301.84	1,337.84
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	515.89	537.83	446.41	212.64	216.09
	• Kumpulan Wang Pembangunan	-312.97	-239.30	-231.99	-321.73	-319.58
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	828.86	777.13	678.40	534.37	535.67
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	622.19	737.42	791.55	757.28	665.35
	iii) Akaun Wang Deposit	316.51	353.29	308.31	331.92	456.40
	JUMLAH	2,309.44	2,627.04	2,663.84	2,424.68	2,464.28

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada Deposit Dalam Negeri (tempoh kurang dari tiga (3) bulan) dan baki akaun semasa. Wang Tunai Dalam Perjalanan ialah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

Wang Tunai	2018
RM700.06 juta	2017
RM979.47 juta	Penurunan RM279.41 juta (28.5%) disebabkan simpanan tetap dicairkan bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2018 dan 2017 menunjukkan penurunan sejumlah RM279.41 juta menjadi RM700.06 juta pada tahun 2018 berbanding RM979.47 juta pada tahun 2017. Jumlah sebenar Wang Tunai di Bank pada tahun 2018 adalah berjumlah RM698.86 juta. Kedudukan wang tunai bagi tahun 2018 berbanding 2017 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
BAKI WANG TUNAI PADA TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	698.86	977.89	-279.03	-28.5
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.37	-0.37	-100.0
3.	Panjar Wang Runcit	1.20	1.21	-0.01	-0.8
JUMLAH		700.06	979.47	-279.41	-28.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

5.1.3. Secara keseluruhannya, penurunan wang tunai pada akhir tahun 2018 adalah disebabkan pencairan simpanan tetap kurang dari tiga (3) bulan bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan kerajaan negeri.

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Seksyen 8, Akta Tatacara Kewangan 1957, kerajaan negeri dibenarkan membuat pelaburan dalam deposit tetap di bank dan pelaburan lain. Pelaburan ini terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah merupakan pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah Awam selaras dengan Seksyen 9 dan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan selaras dengan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.

Pelaburan Am pula adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Hasil Disatukan.

5.2.2. Pelaburan kerajaan negeri pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM1.764 bilion berbanding RM1.445 bilion pada tahun 2017. Peningkatan sejumlah RM319.01 juta atau 22.1% pada tahun 2018 adalah disebabkan penambahan simpanan tetap kerajaan di lima (5) institusi kewangan yang berjumlah RM474.01 juta dan pengeluaran RM155 juta simpanan tetap di lima (5) institusi kewangan. Analisis kedudukan pelaburan bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PELABURAN PADA TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Am	1,764.00	1,445.00	319.00	22.1
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.22	0.21	0.01	4.8
	JUMLAH	1,764.22	1,445.21	319.01	22.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan bagi tempoh satu (1) tahun kewangan.

6.2. Kerajaan Negeri Johor mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan lebihan berjumlah RM5.25 juta, menurun sejumlah RM0.02 juta atau 0.4% berbanding RM5.27 juta pada tahun 2017. Penurunan ini tidak menjelaskan baki Akaun Hasil Disatukan yang meningkat sejumlah RM3.6 juta atau 0.3%, iaitu RM1.126 bilion pada tahun 2018 berbanding RM1.123 bilion pada tahun 2017 seperti dalam **Jadual 6**.

Lebihan Akaun Hasil Disatukan

2017

RM5.27 juta

2018

RM5.25 juta

RM0.02 juta (0.4%)

JADUAL 6
AKAUN HASIL DISATUKAN TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

Butiran	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1,122.84	1,117.57	5.27	0.5
(-) Pelarasan Tahun Sebelum	1.65	0.00	1.66	100.0
Baki Selepas Pelarasan	1,121.19	1,117.57	3.62	0.3
Hasil	1,543.03	1,556.69	-13.66	-0.9
Perbelanjaan Mengurus	1,537.78	1,551.42	-13.64	-0.9
LEBIHAN	5.25	5.27	-0.02	-0.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,126.44	1,122.84	3.60	0.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.3. Hasil


6.3.1. Akaun Hasil Disatukan terdiri daripada tiga (3) kategori hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada akhir tahun 2018, kutipan hasil sebenar ialah RM1.543 bilion. Kutipan hasil mencatatkan lebihan sejumlah RM38.7 juta atau 102.6% berbanding anggaran kutipan hasil yang diluluskan berjumlah RM1.504 bilion. Perbandingan anggaran kutipan hasil dengan kutipan hasil sebenar kerajaan negeri bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PRESTASI KUTIPAN HASIL SEBENAR
BERBANDING ANGGARAN TAHUN 2018

BIL.	BUTIRAN HASIL	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PRESTASI KUTIPAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	555.76	500.11	-55.65	90.0
2.	Hasil Bukan Cukai	780.42	779.65	-0.77	99.9
3.	Terimaan Bukan Hasil	168.15	263.27	95.12	156.6
JUMLAH		1,504.33	1,543.03	38.7	102.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

6.3.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 berjumlah RM1.543 bilion menurun sejumlah RM13.66 juta atau 0.9% berbanding RM1.557 bilion pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan kutipan Hasil Bukan Cukai sejumlah RM128.82 juta atau 14.2% pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Perbandingan kutipan hasil sebenar kerajaan negeri bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 2**.




JADUAL 8
KUTIPAN HASIL SEBENAR BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	500.11	451.55	48.56	10.8
2.	Hasil Bukan Cukai	779.65	908.47	-128.82	-14.2
3.	Terimaan Bukan Hasil	263.27	196.67	66.60	33.9
JUMLAH		1,543.03	1,556.69	-13.66	-0.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

CARTA 2
KUTIPAN HASIL SEBENAR BAGI TAHUN 2018 DAN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.3.3. Penyumbang utama hasil kerajaan negeri adalah Cukai Tanah, Premium Bagi Geran, Bayaran Pendaftaran Tanah, Bayaran Perkhidmatan yang Lain serta Pelbagai Denda dan Hukuman yang Lain. Butiran lima (5) hasil ini telah menyumbang sejumlah RM817.77 juta atau 53% daripada hasil tahun 2018 yang berjumlah RM1,543.03 bilion. Kutipan 5 hasil ini bagi tahun 2017 pula berjumlah RM894.08 juta atau 57.4% daripada jumlah hasil yang berjumlah RM1,557 bilion.

6.3.4. Pada tahun 2018, Cukai Tanah menyumbang sejumlah RM358.39 juta, diikuti oleh Premium Bagi Geran sejumlah RM160.55 juta dan Bayaran Pendaftaran Tanah sejumlah RM118.32 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENYUMBANG HASIL UTAMA BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	JENIS HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	Hasil Cukai	358.39	353.77	4.62	1.3
2.	Premium Bagi Geran	Hasil Cukai	160.55	301.41	-140.86	-46.7
3.	Bayaran Pendaftaran Tanah	Hasil Bukan Cukai	118.32	125.11	-6.79	-5.4
4.	Bayaran Perkhidmatan yang Lain	Hasil Bukan Cukai	91.31	84.67	6.64	7.8
5.	Pelbagai Denda dan Hukuman yang Lain	Terimaan Bukan Hasil	89.20	29.12	60.08	206.3
JUMLAH			817.77	894.08	-76.31	-8.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.3.5. Analisis Audit mendapati justifikasi bagi lima (5) butiran hasil yang mengalami peningkatan ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pelbagai Denda dan Hukuman yang Lain	89.20	29.12	60.08	206.3	<ul style="list-style-type: none"> Terimaan RM28.88 juta daripada Sime Darby Pagoh Development Sdn. Bhd. atas pengecualian pembinaan rumah kos rendah. Peningkatan pengusaha menjelaskan denda mengangkut bahan batuan dan tanah merah serta pasir tanpa permit dan melebihi muatan yang dibenarkan.
2.	Pemberian dan Caruman yang Lain	42.55	16.50	26.05	157.9	Terimaan dividen daripada SAJ Ranhill Sdn. Bhd.
3.	Cukai Tanah Tahun Pertama	24.00	0.02	23.98	119,900.0	Bayaran kelulusan SBKS, bayaran kelulusan bagi tapak pam minyak dan bayaran cukai bagi Felda Tenggaroh 2.
4.	Faedah dan Hasil Pelbagai Pelaburan dan Keuntungan Jualan Pelaburan	20.01	-	20.01	100.0	Keuntungan atas jualan saham RPS-I yang diterima pada tahun 2018 yang dipegang oleh Tabung Amanah Warisan Negeri Johor.
5.	Pemberian Pertambahan Hasil	16.32	-	16.32	100.0	Pemberian Pertambahan Hasil Kerajaan Persekutuan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 1980.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.3.6. Analisis Audit mendapati justifikasi bagi lima (5) butiran hasil yang mencatatkan penurunan ketara bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Premium Bagi Geran	160.55	301.41	140.86	46.7	Pembayaran premium yang telah diselesaikan dan tiada kelulusan kerajaan bagi permohonan tanah pada tahun 2018.
2.	Perolehan daripada Projek Penswastaan Kerajaan	44.30	95.00	50.7	53.4	Pelarasan kod hasil bagi terimaan dividen air ke Kod Hasil H0182399 – Pemberian dan Caruman yang Lain.
3.	Wang Amanah yang Tidak Bergerak dan Tidak Digunakan	2.81	30.67	27.86	90.8	Penutupan akaun amanah berkurang pada tahun 2018.
4.	Faedah dan Hasil dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	84.27	97.13	12.86	13.2	Kadar dividen yang diberikan oleh pihak bank telah menurun.

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
5.	Pelbagai Bayaran yang Lain	5.43	17.79	12.36	69.5	Terimaan yang tiada dalam Buku Tunai telah dilaraskan berjumlah RM2.69 juta pada tahun 2018.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4. Perbelanjaan Mengurus

6.4.1. Analisis perbandingan anggaran perbelanjaan mengurus menunjukkan penurunan sejumlah RM67.66 juta atau 4% kepada RM1.607 bilion pada tahun 2018 berbanding dengan RM1.675 bilion pada tahun 2017 seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN MENGURUS	ANGGARAN PERBELANJAAN		PERUBAHAN ANGGARAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	510.51	494.21	16.3	3.3
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	268.72	261.03	7.69	2.9
3.	Aset	15.38	20.61	-5.23	-25.4
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	791.08	893.19	-102.11	-11.4
5.	Perbelanjaan Lain	21.25	5.56	15.69	282.2
JUMLAH		1,606.94	1,674.60	67.66	4.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4.2. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan yang diluluskan bagi Perbelanjaan Mengurus tahun 2018 berjumlah RM1.607 bilion. Sejumlah RM1.538 bilion atau 95.7% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR BERBANDING ANGGARAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN MENGURUS	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN	
				(%)	
1.	Emolumen	510.51	496.13	97.2	
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	268.72	244.46	91.0	
3.	Aset	15.38	10.21	66.4	
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	791.08	765.74	96.8	
5.	Perbelanjaan Lain	21.25	21.24	99.9	
JUMLAH		1,606.94	1,537.78	95.7	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

6.4.3. Secara keseluruhannya, perbelanjaan mengurus kerajaan negeri telah menurun sejumlah RM13.64 juta atau 0.9%, iaitu daripada RM1.551 bilion pada tahun 2017 menjadi RM1.538 bilion pada tahun 2018. Jumlah perbelanjaan mengurus adalah termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM590 juta. Kedudukan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi tahun 2018 berbanding 2017 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2018 DAN 2017**

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN MENGURUS	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	496.13	482.24	13.89	2.9
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	244.46	246.10	-1.64	-0.7
3.	Aset	10.21	18.77	-8.56	-45.6
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	765.74	798.80	-33.06	-4.1
5.	Perbelanjaan Lain	21.24	5.51	15.73	285.5
JUMLAH		1,537.78	1,551.42	-13.64	-0.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4.4. Analisis Audit menunjukkan terdapat lima (5) butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan yang ketara antara RM1.58 juta hingga RM15.71 juta. Butiran perbelanjaan yang meningkat dengan ketara berserta punca peningkatan adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15
PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN MENGURUS	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap - Peruntukan Diraja	7.66	0.29	7.37	2,541.4	Bayaran balik perbelanjaan yang telah didahulukan di bawah SODO 42000 (Pemberian Dalam Negeri).
2.	Aset – Peruntukan Diraja	1.58	0.00	1.58	100.0	Pembelian kenderaan dan alat kelengkapan bagi kegunaan Istana Johor.
3.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap - Dewan Undangan Negeri	20.73	9.33	11.40	122.2	Pembayaran pencen bagi mantan YAB Menteri Besar, YB Speaker, YB Ahli Mesyuarat Kerajaan yang menamatkan perkhidmatan selepas pertukaran kerajaan pada PRU-14 .
4.	Perbelanjaan Lain - Perbendaharaan Negeri	21.19	5.48	15.71	286.7	Bayaran bagi bil tahun 2017 kepada pihak pengurusan Syarikat Lily Jasmin.
5.	Emolumen – Jabatan Agama Islam Negeri Johor	182.00	177.10	4.90	2.8	Tambahan peruntukan untuk membayar kenaikan gaji tahunan dan Bayaran Khas Kewangan Raya Tahun 2017 dan Tahun 2018.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4.5. Jusifikasi penurunan ketara perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PENURUNAN KETARA PERBELANJAAN
MENGURUS BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN MENGURUS	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap - Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanan	607.90	640.00	32.10	5.0	Peruntukan digunakan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2018.
2.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap - Bayaran Kerana Hutang Kerajaan	12.89	26.86	13.97	52.0	Pinjaman Kerajaan Negeri Johor kepada Kerajaan Persekutuan yang telah tamat tempoh.
3.	Aset - Pejabat Setiausaha Kerajaan	4.74	11.40	6.66	58.4	Tiada pembelian kenderaan baharu pada tahun 2018.
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap - Pejabat Setiausaha Kerajaan	65.91	70.34	4.43	6.3	Mengurangkan perbelanjaan seperti elauan ketua kampung, latihan dan kursus.
5.	Perkhidmatan dan Bekalan - Perbendaharaan Negeri	81.48	84.39	2.91	3.4	Tiada perbelanjaan berskala besar bagi majlis rasmi sebagai langkah penjimatan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.5. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

6.5.1. Arahan Perbendaharaan 58(a) menetapkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun sebelumnya dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.

6.5.2. Pada tahun 2018, sejumlah RM20.23 juta telah dibelanjakan di bawah AP 58(a) yang melibatkan 6,284 baucar bayaran berbanding RM20.62 juta bagi 6,307 baucar bayaran pada tahun 2017. Bahagian Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan pembayaran di bawah AP 58(a) tertinggi pada tahun 2018 berjumlah RM12.83 juta berbanding RM10.71 juta pada tahun 2017 dengan peningkatan sejumlah RM2.12 juta atau 19.8%. Peningkatan AP 58(a) di Bahagian Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melibatkan bayaran penyelenggaraan dan utiliti bangunan di Kota Iskandar, bil perubatan serta

Bayaran AP 58(a)

2018

RM20.23 juta
6,284 baucar bayaran

2017

RM20.62 juta
6,307 baucar bayaran

pemberian kerajaan negeri. Butiran pembayaran di bawah peruntukan AP 58(a) bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PEMBAYARAN DI BAWAH PERUNTUKAN ARAHAN
PERBENDAHARAAN 58(a)TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	2018	2017	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan	12.83	10.71	2.12	19.8
2.	Pengelola Bijaya DiRaja - Kelas 2	0.80	0.05	0.75	1,500.0
3.	Jabatan Kerja Raya - Ibu Pejabat Johor Bahru	0.72	0.15	0.57	380.0
4.	Pengelola Bijaya Diraja – Kelas 3	0.25	0.06	0.19	316.7
5.	Pejabat Menteri Besar	0.28	0.09	0.19	211.1
6.	Pejabat Daerah Kulai	0.18	0.03	0.15	500.0
7.	Dewan Negeri Johor	0.33	0.21	0.12	57.1
8.	Pejabat Tanah dan Galian Johor	0.26	0.14	0.12	85.7
9.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan	0.23	0.14	0.09	64.3
10.	Jabatan Pengairan dan Saliran - Pontian	0.07	0.01	0.06	600.0
11.	PTJ-PTJ Lain (108 PTJ)	4.28	9.03	-4.75	-52.6
JUMLAH		20.23	20.62	-0.39	-1.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.5.3. Pembayaran di bawah AP 58(a) tahun 2018 berjumlah RM20.23 juta terdiri daripada 2,660 baucar bayaran tahun 2017 berjumlah RM14.57 juta dan 3,532 baucar bayaran tahun 2018 berjumlah RM5.30 juta. Bagaimanapun, terdapat juga transaksi tahun 2014 hingga 2016 melibatkan 92 baucar bayaran berjumlah RM0.36 juta telah dibuat pembayaran melalui AP 58(a) tahun 2018 seperti dalam **Jadual 18**.

Bayaran AP 58(a)

92 baucar bayaran untuk transaksi tahun 2014 – 2016 berjumlah **RM0.36 juta**

JADUAL 18
PECAHAN BAYARAN AP 58(a) TAHUN 2018 BERDASARKAN TAHUN/BULAN

BIL.	TAHUN/BULAN	BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	2014	9	0.36
2.	2015	22	
3.	2016	61	
4.	Januari 2017	10	0.02
5.	Februari 2017	7	0.04
6.	Mac 2017	15	0.13
7.	April 2017	21	0.05
8.	Mei 2017	35	0.36
9.	Jun 2017	61	0.52
10.	Julai 2017	96	0.47
11.	Ogos 2017	179	1.02
12.	September 2017	145	1.23

BIL.	TAHUN/BULAN	BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
13.	Oktober 2017	219	1.34
14.	November 2017	365	3.73
15.	Disember 2017	1,507	5.66
16.	2018	3,532	5.30
JUMLAH		6,284	20.23

Sumber: Laporan iSPEKS, Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018

6.5.4. Pada tahun 2018, pembayaran AP 58(a) tanpa peruntukan telah dibuat melibatkan 11 baucar bayaran berjumlah RM54,105 di Pejabat Daerah Johor Bahru yang melibatkan tuntutan bil tahun 2013 dan 2015. Borang Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan di peringkat awal perolehan dibuat dan hanya dikeluarkan secara manual pada tahun pembayaran iaitu pada tahun 2018.

6.5.5. Selain itu, pembayaran AP 58(a) untuk perolehan pada awal tahun 2017 telah dibuat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan berjumlah RM107,056. Ia merupakan bayaran bagi bil penyenggaraan kenderaan jabatan yang dibayar di bawah AP 58(a) tahun 2018. Perbelanjaan tersebut telah menggunakan Pesanan Kerajaan secara manual serta tidak dipertanggungkan di dalam vot jabatan tahun 2017.

6.5.6. Sementara itu, sejumlah RM1.40 juta perolehan tahun 2018 dari bulan Januari hingga Oktober 2018 telah dibayar pada tahun 2019 menggunakan AP 58(a). Perbendaharaan Negeri Johor telah mengeluarkan surat peringatan kepada dua (2) jabatan berkaitan bagi memastikan ketua jabatan sentiasa mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dan tidak dibayar di bawah AP 58(a).

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Kumpulan Wang Lain yang berkaitan. Pada tahun 2018, tiada pinjaman baharu diterima oleh kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada tiga (3) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Amanah Khas dan Am dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957.

Akaun Amanah Disatukan

2018 : RM1.338 bilion

2017 : RM1.302 bilion

menurun RM36 juta (2.8%)

8.2. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM1.338 bilion berbanding RM1.302 bilion pada akhir tahun 2017, iaitu menurun sejumlah RM36 juta atau 2.8% seperti dalam **Jadual 19**.


JADUAL 19
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	216.09	212.64	3.45	1.6
Amanah Khas dan Am	665.35	757.28	-91.93	-12.1
Akaun Deposit	456.40	331.92	124.48	37.5
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,337.84	1,301.84	36.00	2.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.3. Analisis Audit menunjukkan peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2018 disebabkan oleh peningkatan Akaun Deposit sejumlah RM124.48 juta atau 37.5% berbanding tahun 2017. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

8.4. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

8.4.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966) dan diperakaunkan di dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil, pemberian Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut. Seiring dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 di peringkat Kerajaan Persekutuan, kaedah pelaksanaan Peruntukan Pembangunan Negeri Johor telah distruktur semula dengan beberapa penambahbaikan. Penstrukturkan semula ini adalah melalui Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T), iaitu bermula pada tahun 2016 hingga 2020 yang merupakan fasa terakhir bagi Negeri Johor untuk mencapai aspirasi sebagai negeri maju menjelang tahun 2020. Analisis Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan

- i. Terimaan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Jualan Rumah Awam Kos Rendah, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II, Pemberian Kerajaan Persekutuan, Pulangan Balik, Pelbagai Terimaan dan pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan.
- ii. Pada tahun 2018, terimaan bagi kumpulan wang ini berjumlah RM617.02 juta, menurun sejumlah RM3.75 juta atau 0.6% berbanding terimaan tahun 2017 berjumlah RM620.77 juta. Keadaan ini adalah disebabkan oleh penurunan pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan daripada RM600 juta pada tahun 2017 kepada RM590 juta pada tahun 2018.

iii. Daripada jumlah terimaan RM617.02 juta tersebut, sejumlah RM614.87 juta atau 99.7% telah dibelanjakan, iaitu menurun sejumlah RM95.64 juta atau 13.5% berbanding perbelanjaan berjumlah RM710.51 juta pada tahun 2017.

Kumpulan Wang Pembangunan

Belanja menurun
RM95.64 juta

2018
Lebihan RM2.15 juta

2017
Defisit RM87.74 juta

iv. Penurunan perbelanjaan pada tahun 2018 telah menyebabkan akaun ini mencatat lebihan sejumlah RM2.15 juta berbanding defisit berjumlah RM87.74 juta pada tahun 2017.

v. Penurunan ini turut menyumbang kepada penurunan baki terkumpul defisit Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2018 berjumlah RM319.58 juta berbanding defisit RM321.73 juta pada tahun 2017 seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2018 DAN 2017

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-321.73	-231.99	-89.74	-38.7
Terimaan	617.02	620.77	-3.75	-0.6
Perbelanjaan	614.87	710.51	-95.64	-13.5
Lebihan/Defisit	2.15	-89.74	91.89	102.4
BAKI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER	-319.58	-321.73	2.15	0.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

b. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2018 Berbanding 2017

Kedudukan perbelanjaan pembangunan menunjukkan penurunan berjumlah RM95.64 juta atau 13.5% menjadi RM614.87 juta pada tahun 2018 berbanding RM710.51 juta pada tahun 2017 seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar	187.38	205.76	-18.38	-8.9
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	218.78	233.43	-14.65	-6.3
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	118.15	172.17	-54.02	-31.4
4.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	58.25	66.66	-8.41	-12.6
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor	32.31	32.49	-0.18	-0.6
JUMLAH		614.87	710.51	-95.64	-13.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

c. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Berbanding Peruntukan

Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM700 juta bagi tujuan pembangunan dan sejumlah RM614.87 juta atau 87.8% telah dibelanjakan. Analisis Audit menunjukkan dua (2) jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 90% manakala tiga (3) jabatan lain telah membelanjakan 78.8% hingga 89.6% daripada peruntukan yang diluluskan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

Peruntukan
RM700 juta
Belanja
RM614.87 juta
(87.8%)

JADUAL 22
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RJ5T YANG
DILULUSKAN BERBANDING PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN PERBELANJAAN (%)
1.	Pejabat Menteri Besar	215.00	187.38	87.2
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	235.00	218.78	93.1
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	150.00	118.15	78.8
4.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	65.00	58.25	89.6
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor	35.00	32.31	92.3
JUMLAH		700.00	614.87	87.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

d. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RJ5T

i. Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Keseluruhan RJ5T

Bagi menjayakan RJ5T (2016 hingga 2020), siling peruntukan diluluskan oleh kerajaan negeri berjumlah RM3.550 bilion telah diagihkan kepada lima (5) jabatan negeri bagi pelaksanaan projek yang dirancang. Tiga (3) daripada lima (5) jabatan negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan berjumlah RM1.450 bilion atau 40.8%, Pejabat Menteri Besar berjumlah RM850 juta atau 23.9% dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM700 juta atau 19.7%. Perbelanjaan RJ5T sehingga 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM1.892 bilion, iaitu 53.3% daripada peruntukan RM3.550 bilion seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PENCAPAIAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN DI BAWAH RJ5T SEHINGGA TAHUN 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN PERBELANJAAN (%)
1.	Pejabat Menteri Besar	10,559	850.00	553.50	65.1
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	1,893	1,450.00	617.10	42.5
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	678	700.00	436.56	62.4
4.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	663	300.00	189.03	63.0
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor	311	250.00	95.72	38.3
JUMLAH		14,104	3,550.00	1,891.91	53.3

Sumber: Anggaran Belanjawan RJ5T dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

ii. Prestasi Fizikal Projek Pembangunan RJ5T Tahun 2018

- Pada tahun 2018, sebanyak 2,783 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,630 projek atau 94.5% telah siap dilaksanakan, manakala 96 projek atau 3.5% sedang dilaksanakan. Sebanyak 57 projek atau 2% lagi masih belum dimulakan atau dibatalkan.
- Jabatan Kerja Raya Negeri Johor mencatatkan bilangan projek belum dimulakan atau dibatalkan yang paling tinggi iaitu sebanyak 28 projek. Ini diikuti oleh Bahagian Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan dengan 14 projek dan Bahagian Pembangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan sebanyak sembilan (9) projek. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor mencatatkan sebanyak lima (5) projek dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor pula sebanyak satu (1) projek yang masih belum dimulakan atau dibatalkan.
- Antara sebab projek tersebut belum dimulakan adalah kerana semakan semula reka bentuk, pindaan terma dan pelan cadangan, rundingan reka bentuk tidak dipersetujui serta kontraktor dan perunding belum dilantik. Prestasi pelaksanaan projek RJ5T bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 24** dan **Carta 4**.


JADUAL 24
STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN RJ5T BAGI TAHUN 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. PROJEK TAHUN 2018	PROJEK SIAP DILAKSANAKAN	PROJEK DALAM PELAKSANAAN	PROJEK DITANGGUHKAN
1.	Pejabat Menteri Besar	1,552	1,519	33	0
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	601	547	31	23
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	415	360	27	28

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. PROJEK TAHUN 2018	PROJEK SIAP DILAKSANAKAN	PROJEK DALAM PELAKSANAAN	PROJEK DITANGGUHKAN
4.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	172	171	0	1
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor	43	33	5	5
	JUMLAH	2,783	2,630	96	57

Sumber: Jabatan/Pejabat dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

CARTA 4
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN RJ5T BAGI TAHUN 2018



Sumber: Jabatan Negeri dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

- Lima (5) projek terbesar berjumlah RM5.87 juta yang belum dimulakan atau dibatalkan sehingga akhir tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN RJ5T
YANG BELUM DIMULAKAN ATAU DIBATALKAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	JABATAN PELAKSANA/ NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM DIMULAKAN/DIBATALKAN
1.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor Kerja Hiasan Dalaman di Muzium Kota Tinggi, Johor	2.10	Perubahan Kerajaan yang memimpin dan Dasar Kerajaan. JKR Bahagian Ukur Bahan memerlukan persetujuan daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri sama ada projek ini masih sah mengikut kelulusan lantikan asal atau perlu membuka semula tender.
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Kerja Membaikpulih Bangunan Pejabat Tanah Daerah Tangkak	1.50	Agenzia pelaksana projek ialah JKR Daerah Tangkak dan dijangka dilaksanakan pada tahun 2019.
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor Kerja Menaiktaraf Benteng Batu Pejal dari Parit Botak ke Parit Hailam, Batu Pahat, Johor. (Projek Sambungan)	1.00	Tawaran kerja telah dikeluarkan tetapi ditolak oleh kontraktor yang dipilih.

BIL.	JABATAN PELAKSANA/ NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM DIMULAKAN/DIBATALKAN
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Pembangunan Ekonomi dan Inklusif (Pejabat Daerah: Pembasmian Kemiskinan)	0.64	Projek batal kerana status hak milik tanah belum diselesaikan.
5.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor Cadangan Menaiktaraf Jalan dan Bina Baru Jambatan Kg. Perigi Aceh, Pasir Gudang, Johor	0.63	Lewat memulakan projek: Iklan pada 04.10.2018. Tarikh Jual: 17 - 31.10.2018. Tarikh Tutup Jual: 07.11.2018. Surat Setuju Terima Dikeluarkan: 29.5.2019
JUMLAH		5.87	

Sumber: Rekod Jabatan/Pejabat Negeri

8.4.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Pinjaman, Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Pelbagai Kumpulan Wang, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor. Pada akhir tahun 2018, baki kumpulan wang ini meningkat sejumlah RM1.30 juta atau 0.2% kepada RM535.67 juta berbanding RM534.37 juta pada tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Pinjaman Perumahan	0.05	2.08	-2.03	-97.6
2.	Akaun Penyelesaian	17.08	17.55	-0.47	-2.7
3.	Akaun Perniagaan	0.60	0.60	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	48.76	3.47	45.29	1,305.2
5.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.50	0.50	0.00	0.0
6.	Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor	468.68	510.17	-41.49	-8.1
BAKI PADA 31 DISEMBER		535.67	534.37	1.30	0.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

a. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

i. Kedudukan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Pada tahun 2018, baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ialah RM0.05 juta. Baki kumpulan wang amanah ini menurun sejumlah RM2.03 juta atau 97.6% berbanding baki berjumlah RM2.08 juta pada akhir tahun 2017 seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PINJAMAN PERUMAHAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Peruntukan	274.45	244.45	30.00	12.3
Pinjaman Perumahan Kakitangan	-274.40	-242.37	32.03	13.2
JUMLAH	0.05	2.08	-2.03	97.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

ii. Tunggakan Baki Pinjaman Perumahan

- Pada tahun 2018, mengikut rekod Daftar Skim Pinjaman Lepas Pencen (SLP), sejumlah RM2.60 juta adalah tunggakan baki pinjaman perumahan bagi 113 peminjam yang telah meninggal dunia, bersara, bertukar dan berhenti. Baki pinjaman perumahan ini tidak menunjukkan perubahan semenjak tahun 1984 seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
BAKI PINJAMAN PERUMAHAN
MENGIKUT DAFTAR SKIM PINJAMAN LEPAS PENCEN (SLP)

BIL.	BUTIRAN	PINJAMAN			CATATAN
		TAHUN TIDAK BERGERAK	BIL.	BAKI (RM)	
1.	Meninggal dunia dan telah mendapat Tuntutan Pampasan Kematian (TPK)	1988 hingga 2010	5	50,842.30	• 5 peminjam berbaki hutang RM50,842.30 telah dikeluarkan surat peringatan kepada waris.
2.	Meninggal dunia dan belum mendapat TPK	1992 hingga 2016	29	840,010.48	• 29 peminjam berbaki hutang RM840,010.48 telah dikeluarkan surat peringatan kepada waris.
3.	Potongan terhenti dan tidak diketahui status	2000 hingga 2013	11	247,871.62	• 11 peminjam berbaki hutang RM247,871.62 telah dikeluarkan surat peringatan.
4.	Telah berhenti daripada perkhidmatan	1993 hingga 2016	6	320,595.87	• 6 peminjam berbaki hutang RM320,595.87 telah dikeluarkan surat peringatan.
5.	Diarahkan untuk diberhentikan potongan gaji atau pencen oleh Jabatan Perkhidmatan Awam	1994 hingga 2012	4	3,881.81	• 4 peminjam berbaki hutang RM3,881.81 telah dikeluarkan surat peringatan.
6.	Tindakan Tatatertib Dibuang Kerja	1984 dan 1996	5	146,053.38	• 5 peminjam berbaki hutang RM146,053.38 telah dikeluarkan surat peringatan.
7.	Belum Dibuat Potongan Pencen	1999 dan 2007	2	79,484.96	• 2 peminjam berbaki hutang RM79,484.96 telah dikeluarkan surat peringatan mengenai tunggakan.
8.	Sepatutnya Telah Selesai Membuat Pemotongan Gaji/Pencen	1985 hingga 2017	51	916,534.98	• Seorang waris peminjam yang berbaki RM20,489.13 telah disarankan untuk membayar RM300 secara ansuran bulanan sehingga habis. • 50 peminjam berbaki hutang RM896,045.85 telah dikeluarkan surat peringatan.
JUMLAH			113	2,605,275.40	

Sumber: Penyata Pinjaman Perumahan Individu berakhir 31 Disember 2018 (Daftar SLP)

- Sejumlah RM0.88 juta tunggakan bagi 22 peminjam mengikut Sistem SLAS (Skim Lejar Akaun Subsidiari) pula tidak berubah sejak tahun 2007 seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
BAKI PINJAMAN PERUMAHAN MENGIKUT
DAFTAR SLAS TIDAK BERUBAH SEJAK TAHUN 2007

BIL.	BUTIRAN	PINJAMAN			CATATAN
		TAHUN TIDAK BERGERAK	BIL.	BAKI (RM)	
1.	Meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan dan belum mendapat TPK	2007 hingga 2016	11	428,435.49	• 11 peminjam berbaki hutang RM428,435.49 telah dikeluarkan surat peringatan kepada waris.
2.	Tidak diketahui status sebenar	2015 dan 2016	3	149,900.71	• 3 peminjam berbaki hutang RM149,900.71 telah dikeluarkan surat peringatan.
3	Tindakan tatatertib dibuang kerja	2014	4	149,620.16	• 4 peminjam berbaki hutang RM149,620.16 telah dikeluarkan surat peringatan.
4.	Bersara daripada perkhidmatan	2015 dan 2016	4	103,878.67	• 4 peminjam berbaki hutang RM103,878.67 telah dikeluarkan surat peringatan.
JUMLAH		22		831,835.03	

Sumber: Penyata Pinjaman Perumahan Individu berakhir 31 Disember 2018 (Daftar SLAS)

- Selain surat peringatan, pihak Pegawai Kewangan Negeri (PKN) telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk melantik panel guaman bagi menuntut tunggakan kepada peminjam atau waris yang gagal menyelesaikan baki hutang.

b. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri

- i. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor diselenggarakan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan kumpulan wang amanah ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan yang digunakan khusus bagi membiayai program penyenggaraan semua jalan raya negeri yang dikawal oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri.
- ii. Pada tahun 2018, sejumlah RM611.64 juta terimaan daripada Kerajaan Persekutuan telah diakaunkan ke dalam kumpulan wang ini. Terimaan ini telah meningkat sejumlah RM17.86 juta atau 3% berbanding RM593.78 juta yang diperoleh pada tahun 2017. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor pada 31 Disember 2017 ialah RM468.67 juta menurun sejumlah RM41.49 juta atau 8.1% berbanding baki

berjumlah RM510.16 juta pada akhir tahun 2017. Peratus penggunaan untuk tujuan perbelanjaan berbanding terimaan pada tahun 2018 adalah 106.8% berbanding 113.3% pada tahun 2017 seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGGARAAN JALAN RAYA NEGERI JOHOR TAHUN 2018 BERBANDING 2017

PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	510.16	589.02	-78.86	-13.4
Terimaan	611.64	593.78	17.86	3.0
Perbelanjaan	653.13	672.64	-19.51	-2.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	468.67	510.16	-41.49	-8.1
PENGUNAAN (%)	106.8	113.3		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- iii. Mengikut Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), panjang jalan raya negeri yang disenggarakan pada tahun 2018 adalah sepanjang 23,294.03 km berbanding 22,168.73 km pada tahun 2017. Peningkatan panjang jalan negeri yang didaftarkan ini seiring dengan peningkatan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan.

MARRIS

Panjang jalan raya disenggara

2018 - 23,294.03 km

2017 - 22,168.73 km

8.5. Amanah Khas dan Am

Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 terdiri daripada Wang Amanah Khas yang dipegang oleh kerajaan negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Sumber kewangan Wang Amanah Awam adalah terimaan daripada orang awam yang diamanahkan kepada kerajaan negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh PKN.

8.5.1. Akaun Wang Amanah Awam

- a. Pada tahun 2018, kerajaan negeri mempunyai satu (1) Akaun Wang Amanah Khas dan 75 Akaun Wang Amanah Awam yang dikendalikan oleh 19 jabatan negeri yang berbaki RM665.35 juta. Jumlah tersebut menurun sejumrah RM91.93 juta atau 12.1% berbanding baki tahun 2017 yang berjumlah RM757.28 juta seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
KEDUDUKAN WANG AMANAH AWAM PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	757.28	791.55	-34.27	-4.3
Penerimaan	370.57	800.51	-429.94	-53.7
Pembayaran	462.50	834.78	-372.28	-44.6
BAKI PADA 31 DISEMBESER	665.35	757.28	-91.93	-12.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- b. Faktor utama penurunan baki akaun amanah adalah disebabkan penutupan tiga (3) akaun amanah yang telah berbaki sifar dan lima (5) akaun amanah telah dipindahkan ke akaun hasil disatukan. Sebanyak tiga (3) akaun amanah baharu telah dibuka yang diselenggarakan oleh SUK Bahagian Pengurusan dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
AKAUN AMANAH YANG BAHARU DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2018

BIL.	AKAUN AMANAH	BAKI (RM Juta)	OBJEKTIF PENUBUHAN
1.	Perbadanan Hartanah (SSI)	0.84	Dibiayai daripada premium cukai tanah, cukai taksiran dan juga lain-lain bayaran serta perbelanjaan yang dikenakan untuk menguruskan hartaan milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI).
2.	Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14	0.00	Memperakarkan terimaan wang daripada Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Johor bagi tujuan perbelanjaan atas urusan PRU ke-14 kepada semua Pejabat Pegawai Pengurus di Negeri Johor.
3.	Biorosot dan Biokompos	0.00	Pembentukan alternatif bagi program tanggungjawab sosial korporat (CSR), kempen dan promosi kesedaran serta pendidikan dan insentif pembangunan perniagaan di bawah Rangka Tindakan dan Pelan Hala Tuju Biorosot dan Biokompos Johor dan lain-lain kos yang berkaitan.
JUMLAH		0.84	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

8.6. Akaun Deposit

- 8.6.1. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am, Deposit Khusus dan Deposit Pelarasan. Deposit Am dan Deposit Khusus merupakan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Pada akhir tahun 2018, kerajaan negeri mempunyai 20 jenis deposit yang diselenggarakan oleh 46 jabatan/PTJ yang berbaki RM456.40 juta seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017

JENIS DEPOSIT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Am	102.43	99.32	3.11	3.1
Deposit Khusus	347.05	229.73	117.32	51.1
Deposit Pelarasan	6.92	2.87	4.05	141.1
JUMLAH	456.40	331.92	124.48	37.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.6.2. Analisis Audit mendapati baki Akaun Deposit telah meningkat sejumlah RM124.48 juta atau 37.5% berbanding RM331.92 juta pada tahun 2017. Peningkatan Akaun Deposit adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Akaun Deposit Urusan Tanah Kerajaan dan Akaun Deposit Pelarasan Cek dan EFT Terbatal.

8.6.3. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang telah diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga (3) bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Sehingga 31 Disember 2018, Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan bagi tiga (3) jabatan/PTJ berjumlah RM0.75 juta yang tidak dituntut dari tahun 2011 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
AKAUN DEPOSIT WANG JAMINAN PELAKSANAAN TIDAK DITUNTUT

BIL.	JABATAN/PTJ	BILANGAN PENDEPOSIT	TAHUN TIDAK TUNTUT	JUMLAH (RM Juta)
1.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	17	2011-2018	0.65
2.	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor	3	2011-2018	0.04
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Perumahan)	9	2013-2018	0.06
JUMLAH		29		0.75

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Tahun 2018 Dan 2017

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan kerajaan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tuggakan Hasil manakala Penyata Akaun Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam Dalam Negeri.

9.1. Pinjaman Boleh Tuntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Tuntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada agensi negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan menggunakan sumber kerajaan negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan.

9.1.2. Pada tahun 2018, baki Pinjaman Boleh Tuntut menurun sejumlah RM44.74 juta atau 8.1%, iaitu daripada RM549.61 juta pada tahun 2017 kepada RM504.87 juta pada tahun 2018. Penurunan Pinjaman Boleh Tuntut adalah kerana pembayaran balik pinjaman yang dibuat oleh Perbadanan Johor berjumlah RM4.68 juta dan PIJ Holdings Sdn. Bhd. berjumlah RM12 juta. Johor Land dan Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor pula membuat pembayaran balik pinjaman masing-masing berjumlah RM10 juta dan RM0.07 juta. Selain itu, Majlis Daerah Mersing juga ada membuat pembayaran balik Pinjaman Boleh Tuntut berjumlah RM0.08 juta. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Tuntut bagi tahun 2018 hingga 2017 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

Pinjaman Boleh Tuntut

2018: RM504.87 juta

2017: RM549.61 juta

menurun RM44.74 juta (8.1%)

JADUAL 35
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	2018	2017	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Perbadanan Johor	81.92	53.88	58.56	-4.68	-8.0
2.	PIJ Holdings Sdn. Bhd.	60.00	36.00	48.00	-12.00	-25.0
3.	Johor Land	100.00	80.00	90.00	-10.00	-11.1
4.	Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor	0.38	0.08	0.15	-0.07	-46.7
PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
5.	Majlis Daerah Mersing	0.80	0.40	0.48	-0.08	-16.7
BADAN-BADAN LAIN						
6.	Syarikat Air Johor Holdings Sdn Bhd.	352.42	334.51	352.42	-17.91	-5.1
JUMLAH		595.52	504.87	549.61	-44.74	-8.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Tahun 2018 dan 2017

9.1.3. Pinjaman berjumlah RM352.42 juta oleh Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. adalah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM334.51 juta yang diperoleh sejak tahun 1982 hingga 1994. Sejumlah RM17.91 juta pula merupakan bayaran pendahuluan penggunaan air bersih daripada kerajaan negeri pada tahun 2011. Pada tahun 2018, tiada bayaran balik yang dibuat oleh Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. Bagaimanapun kerajaan negeri telah membuat hapus

kira berjumlah RM17.91 juta terhadap bayaran pendahuluan penggunaan air bersih menyebabkan jumlah Pinjaman Boleh Dituntut menurun pada tahun 2018.

9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan saham yang dilaporkan di Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM702.37 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan bersih di dalam Tabung Amanah Warisan Negeri Johor berjumlah RM680.37 juta, RM20 juta dalam Syarikat SAJ Ranhill Sdn. Bhd., RM1 juta dalam Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. Kedudukan pelaburan kerajaan negeri mengikut Akaun Memorandum pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN PELABURAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	680.37	672.37	8.00	1.2
2.	Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	0.00
3.	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	0.00
4.	SAJ Ranhill Sdn. Bhd.	20.00	20.00	0.00	0.00
JUMLAH		702.37	694.37	8.00	1.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.2.2. Analisis Audit menunjukkan pelaburan pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM8 juta atau 1.2% berbanding baki berjumlah RM694.37 juta pada tahun 2017. Pelaburan bersih dalam Tabung Amanah Warisan Negeri Johor telah meningkat sejumlah RM8 juta atau 1.2% menjadi RM680.37 juta pada tahun 2018 berbanding sejumlah RM672.37 juta pada tahun 2017. Pelaburan oleh Tabung Amanah Warisan Negeri Johor memberikan pendapatan berjumlah RM8 juta pada tahun 2018 berbanding RM42.25 juta pada tahun 2017.

9.2.3. Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri mengikut Penyata Akaun Memorandum bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	505.80	548.08	811.07	672.37	680.37
2.	Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.	100.00	100.00	100.00	0.00	0.00
3.	Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
4.	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
5.	SAJ Ranhill Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	20.00	20.00
JUMLAH		607.80	650.08	913.07	694.37	702.37

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.2.4. Analisis Pelaburan Kerajaan Negeri mengikut Penyata Akaun Memorandum mendapati pelaburan dalam Syarikat Permodalan Darul Takzim dan Kumpulan Pasarana Rakyat Johor tidak menunjukkan sebarang perubahan bagi tempoh lima (5) tahun. Pada tahun 2018, kedua-dua syarikat tersebut tidak memberi dividen kepada kerajaan negeri.

9.2.5. Pada tahun 2017, saham Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. Bernilai RM100 juta telah dipindah milik kepada Syarikat Permodalan Darul Ta'zim atas kelulusan kerajaan negeri. Hal ini kerana Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. tidak lagi aktif dan pengurusan bekalan air terawat dikendalikan oleh SAJ Ranhill Sdn. Bhd.. Bagi memastikan kerajaan negeri memiliki pegangan ekuiti dalam pengurusan bekalan air terawat, kerajaan negeri telah membuat pemilikan saham dalam SAJ Ranhill Sdn. Bhd. berjumlah RM20 juta bermula tahun 2017.

9.2.6. Pada tahun 2018, SAJ Ranhill Sdn. Bhd. telah membayar dividen kepada kerajaan negeri berjumlah RM24.75 juta. Kedudukan pelaburan dan pulangan dividen kerajaan negeri untuk keempat-empat syarikat tersebut selain daripada Tabung Amanah Warisan Negeri Johor bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
KEDUDUKAN PELABURAN DAN
PULANGAN DIVIDEN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2014 Hingga 2018

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa ada membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk membiayai projek pembangunan. Pada tahun 2018, baki Hutang Awam kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM7.50 juta atau 1.4% menjadi RM520.94 juta berbanding RM528.44 juta pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran balik pinjaman berjumlah RM4.69 juta yang dibuat mengikut tarikh matang termasuk anuiti baru penjadualan semula pinjaman dan bayaran penyelesaian penuh. Kedudukan baki Hutang Awam kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

Hutang Awam

2018: RM520.94 juta

2017: RM528.44 juta

menurun RM7.50 juta (1.4%)

**JADUAL 38
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	16.58	16.58	0.00	0.0
2.	Projek Bekalan Air	334.51	334.51	0.00	0.0
3.	Projek Perbadanan Johor	46.49	53.99	-7.50	-13.9
4.	Pinjaman Lain	123.36	123.36	0.00	0.0
JUMLAH		520.94	528.44	-7.50	-1.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.3.2. Pinjaman kerajaan negeri bagi maksud Projek Bekalan Air berjumlah RM334.51 juta masih tidak berubah sejak tahun 1982. Kerajaan Negeri Johor melalui Pejabat Menteri Besar pada 5 Jun 2018 telah memohon pertimbangan Perdana Menteri agar pinjaman berjumlah RM334.51 juta tersebut dijadikan sebagai geran kepada Kerajaan Negeri Johor.

9.3.3. Pada tahun 2018, tiada bayaran dibuat terhadap Hutang Awam bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan Pinjaman Lain yang berjumlah RM139.94 juta. Ini kerana Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk melunaskan sebahagian pinjaman tersebut dengan Projek Kecemasan Pemindahan Air Mentah daripada RAPID, Pengerang (PAMER) ke Empangan Upper Layang yang telah didahulukan oleh kerajaan negeri berjumlah RM100 juta.

9.4. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam

Pada tahun 2018, tunggakan bayaran balik hutang awam bagi maksud Projek Bekalan Air berjumlah RM334.51 juta masih tidak menunjukkan sebarang perubahan.

Permohonan kerajaan negeri bagi menukarkan pinjaman tersebut kepada geran dan kelulusan untuk menghapuskan RM189.4 juta daripada RM334.51 juta telah diperoleh daripada Kementerian Kewangan pada 29 Mei 2019. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman kerajaan negeri bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
KEDUDUKAN BAKI TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK HUTANG AWAM PADA TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	PINJAMAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	0.00	0.00	0.00	0.0
2.	Projek Bekalan Air	334.51	334.51	0.00	0.0
3.	Projek Perbadanan Johor	0.00	0.00	0.00	0.0
4.	Pinjaman Lain	0.00	0.00	0.00	0.0
JUMLAH		334.51	334.51	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Berdasarkan Penyata Tunggakan Hasil yang dikemukakan oleh ketua jabatan kepada Perbendaharaan Negeri Johor, tunggakan hasil bagi 36 pemungut hasil adalah berjumlah RM191.77 juta pada akhir tahun 2018. Sebahagian besar daripada tunggakan hasil ini merupakan hasil Cukai Tanah, Hasil Penswastaan, Sewa dan Sewa Beli Rumah serta Cukai Air Mentah berjumlah RM188.54 juta atau 98.3% daripada keseluruhan jumlah tunggakan hasil tahun 2018. Kedudukan tunggakan hasil kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(%)		
1.	Cukai Tanah	94.58	84.12	10.46	12.4
2.	Hasil Penswastaan	52.10	54.47	-2.37	-4.4
3.	Sewa dan Sewa Beli Rumah	34.04	39.97	-5.93	-14.8
4.	Cukai Air Mentah	7.82	27.92	-20.10	-72.0
5.	Hasil-Hasil Lain	3.23	158.59	-155.36	-98.0
JUMLAH		191.77	365.07	-173.3	-47.5

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Negeri Tahun 2018 dan 2017

10.1.2. Daripada **Jadual 40**, tunggakan Hasil-hasil Lain pada tahun 2018 telah mencatatkan penurunan berjumlah RM155.36 juta atau 98% berbanding tahun 2017. Penurunan ini disebabkan oleh hasil penjualan saham RPSi Business Chronicles Sdn. Bhd. yang telah diterima pada tahun 2018 sejumlah RM120 juta dan sumbangan JC Corp yang telah diselesaikan berjumlah RM5.5 juta. Cukai Air Mentah telah menunjukkan penurunan kedua tertinggi pada tahun 2018 berbanding tahun 2017, iaitu berjumlah RM20.10 juta atau 72% disebabkan Syarikat SAJ Ranhill Sdn. Bhd. telah membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan kepada pihak Badan Kawal Selia Air Johor. Cukai Tanah pula mencatatkan peningkatan tunggakan pada tahun 2018 iaitu sejumlah RM10.46 juta atau 12.4% berbanding tahun 2017.

10.2. Tunggakan Cukai Tanah

10.2.1. Cukai Tanah mencatatkan tunggakan tertinggi pada tahun 2018 iaitu sejumlah RM94.58 juta atau 49.3% daripada keseluruhan tunggakan hasil. Analisis Audit mendapati Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru mempunyai peningkatan tunggakan hasil Cukai Tanah tertinggi untuk tahun 2018 berjumlah RM59.78 juta dengan kenaikan sejumlah RM10.84 juta atau 22.1%. Hal ini disebabkan oleh peningkatan kadar cukai tanah kerana berlaku ubah syarat hak milik tanah dan kegagalan pemilik untuk menjelaskan kadar kenaikan tersebut. Selain itu, terdapat pemilik dan syarikat yang telah diisyiharkan muflis dan tidak menjelaskan tunggakan cukai tanah. Peningkatan tunggakan Cukai Tanah kedua tertinggi adalah Pejabat Tanah Daerah Kluang berjumlah RM5.27 juta dengan kenaikan sejumlah RM0.34 juta atau 6.9%. Punca peningkatan tunggakan adalah disebabkan oleh kegagalan pemilik tanah menjelaskan cukai tanah pada tempoh yang ditetapkan.

**Tunggakan
cukai tanah
RM94.58 juta**

49.3% dari
keseluruhan
tunggakan hasil

10.2.2. Penurunan tunggakan hasil paling tinggi adalah Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat yang berjumlah RM0.79 juta atau 12.7% disebabkan oleh pengemaskinian


data dan pembatalan hak milik bagi Notis 8A (perampasan tanah). Sehubungan itu, pihak Pejabat Tanah Daerah Baru Pahat telah menghubungi pemilik tanah agar menjelaskan tunggakan cukai sebelum tindakan mengikut Notis 8A dilakukan. Kedudukan tunggakan hasil cukai tanah bagi Pejabat Tanah Daerah tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
TUNGGAKAN HASIL CUKAI TANAH TAHUN 2018 BERBANDING 2017

BIL.	PEJABAT TANAH DAERAH	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Johor Bahru	59.78	48.94	10.84	22.1
2.	Kulai/Kulaijaya	9.75	9.72	0.03	0.3
3.	Batu Pahat	5.42	6.21	-0.79	-12.7
4.	Kluang	5.27	4.93	0.34	6.9
5.	Kota Tinggi	3.80	3.61	0.19	5.3
6.	Pontian	2.14	2.35	-0.21	-8.9
7.	Muar	2.64	2.37	0.27	11.4
8.	Tangkak/Ledang	1.76	1.76	0.00	0.0
9.	Segamat	1.82	1.97	-0.15	-7.6
10.	Mersing	0.94	0.74	0.2	27.0
11.	Pengerang	0.81	1.02	-0.21	-20.6
12.	Labis	0.32	0.16	0.16	100.0
13.	Rengit	0.13	0.34	-0.21	-61.8
JUMLAH		94.58	84.12	10.46	12.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

CARTA 6
PERBANDINGAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH ANTARA TAHUN 2018 DENGAN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada akhir tahun 2018 adalah stabil berdasarkan perkara seperti berikut:

- 11.1. Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 berjumlah RM2.464 bilion, meningkat sejumlah RM39.60 juta atau 1.6% berbanding RM2.425 bilion pada tahun 2017;
- 11.2. hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 berjumlah RM1.543 bilion, menurun sejumlah RM13.66 juta atau 0.9% berbanding RM1.557 bilion pada tahun 2017;
- 11.3. prestasi perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 berjumlah RM1.538 bilion, iaitu 95.7% daripada peruntukan yang telah diluluskan berjumlah RM1.607 billion;
- 11.4. pelaburan kerajaan negeri dalam simpanan tetap meningkat RM319.01 juta pada tahun 2018 kepada RM1.764 bilion; dan
- 11.5. jumlah bayaran balik Hutang Awam oleh kerajaan negeri menurun sejumlah RM9.12 juta atau 54.9% berbanding RM16.62 juta pada tahun 2017 disebabkan terdapat penyelesaian penuh bagi tiga (3) pinjaman.

12. SYOR AUDIT

Kerajaan negeri perlu meningkatkan usaha untuk mengukuhkan lagi prestasi kewangan di samping mencari sumber kewangan baharu atau mengurangkan tunggakan hasil untuk menampung jumlah keseluruhan perbelanjaan. Sehubungan itu adalah disyorkan kerajaan negeri mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- 12.1. memastikan tindakan proaktif diambil terhadap pemilik-pemilik yang mempunyai tunggakan hasil cukai tanah untuk mengurangkan tunggakan;
- 12.2. memastikan pembayaran di bawah AP 58(a) dapat dikurangkan; dan
- 12.3. menilai semula pelaburan dalam syarikat yang tidak memberi pulangan dividen.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA ANALISIS KEWANGAN AGENSI NEGERI

PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2018

Bilangan agensi negeri
13
16
1

Badan Berkanun Negeri
Pihak Berkuasa Tempatan
Majlis Agama Islam

5 akaun yang telah disahkan

5 Pendapat Tanpa Teguran

Badan Berkanun Negeri
RM78.72 juta Lebihan Semasa
RM46.54 juta Aset Semasa Bersih

Pihak Berkuasa Tempatan
RM26.29 juta Lebihan Semasa
RM21.20 juta Aset Semasa Bersih

Cukai Taksiran

RM8.07 juta Semasa
RM2.59 juta Tunggakan

*Setakat 31 Ogos 2019

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2019, Jabatan Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap 30 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2018 melibatkan 13 BBN, 16 PBT dan satu (1) MAI. Daripada jumlah tersebut, 13 merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, 16 penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu (1) Majlis Agama Islam yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978 (Pindaan 2003).

2.2. Pada setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi dua (2) BBN, satu (1) MAI dan dua (2) PBT manakala, baki 25 penyata kewangan agensi negeri diaudit oleh Firma Audit Swasta yang dilantik. Pelantikan Firma Audit Swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen

7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Pengauditan yang dijalankan oleh Firma Audit Swasta diselia dan dipantau oleh pegawai Jabatan Audit Negara dari semasa ke semasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan. Selain itu, kertas kerja yang disediakan oleh Firma Audit Swasta juga disemak oleh pegawai Jabatan Audit Negara.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2019, sembilan (9) BBN dan 15 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit. Daripada 24 agensi terlibat, 18 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pegawai Kewangan Negeri, iaitu sebelum atau pada 31 Mei 2019 manakala penyata kewangan bagi enam (6) agensi diserah selepas tempoh yang ditetapkan. Baki enam (6) agensi lain masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, iaitu Majlis Sukan Negeri Johor, Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor, Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor, Yayasan Warisan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Daerah Mersing. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

31 Mei 2019

Tarikh penyerahan penyata kewangan bagi tahun berakhir
31 Disember 2018 untuk diaudit

18 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan sebelum
31 Mei 2019

6 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan selepas
31 Mei 2019

6 agensi negeri belum menyerahkan penyata kewangan untuk diaudit

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHKAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Johor	12.03.2019
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	25.04.2019
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	13.05.2019
4.	Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor	15.05.2019
5.	Yayasan Pelajaran Johor	28.05.2019
6.	Taman Ibrahim Muar	26.06.2019
7.	Perbadanan Taman Negara Johor	27.06.2019
8.	Perbadanan Islam Johor	28.07.2019
9.	Perbadanan Stadium Johor	05.08.2019
10.	Majlis Sukan Negeri Johor	Belum Terima
11.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor	Belum Terima
12.	Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor	Belum Terima

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
13.	Yayasan Warisan Negeri	Belum Terima
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	Belum Terima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Pontian	02.05.2019
2.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	16.05.2019
3.	Majlis Perbandaran Kulai	29.05.2019
4.	Majlis Daerah Yong Peng	29.05.2019
5.	Majlis Daerah Kota Tinggi	29.05.2019
6.	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang	30.05.2019
7.	Majlis Perbandaran Kluang	30.05.2019
8.	Majlis Daerah Simpang Renggam	30.05.2019
9.	Majlis Perbandaran Muar	30.05.2019
10.	Majlis Daerah Tangkak	30.05.2019
11.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	30.05.2019
12.	Majlis Perbandaran Segamat	30.05.2019
13.	Majlis Daerah Labis	30.05.2019
14.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	04.07.2019
15.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	24.07.2019
16.	Majlis Daerah Mersing	Belum Terima

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh Agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang telah ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan). Selain itu, ia juga perlu mengandungi pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan yang lengkap. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan mempengaruhi pendapat juruaudit di dalam Laporan Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan berkenaan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang telah diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards* (FRS)/*Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah bagi menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.3. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

Fakta Penting

25 agensi menggunakan pakai *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)

3 agensi menggunakan pakai *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS)

2 agensi menggunakan pakai *Financial Reporting Standards (FRS)/ Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS)

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i> (MPSAS)	25
2.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards</i> (MPERS)	3
3.	<i>Malaysian Financial Reporting Standards</i> (MFRS)/ <i>Financial Reporting Standards</i> (FRS)	2
JUMLAH		30

Sumber : Penyata Kewangan Agensi

5. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

5.1. Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan mengikut keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua (2) jenis pendapat audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

5.1.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran dinyatakan oleh juruaudit apabila memberi rumusan terhadap penyata kewangan yang telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan standard perakaunan yang diguna pakai.

5.1.2. Pendapat Bolehubah

Pendapat Bolehubah terdiri daripada Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat yang digunakan mengikut kesesuaian. Juruaudit boleh menyatakan Pendapat Bolehubah dalam keadaan seperti berikut:

a. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

i. Perenggan *Emphasis of Matter*

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

ii. Perenggan Perkara lain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai Audit, tanggungjawab Juruaudit atau Laporan Audit.

b. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

i. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti Audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti Audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat, tetapi juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenalpasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

ii. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

iii. Pendapat Penafian

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana

Juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.1.3. Sehingga 31 Ogos 2019, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak lima (5) penyata kewangan tahun 2018 melibatkan dua (2) penyata kewangan BBN dan tiga (3) penyata kewangan PBT. Kesemua lima (5) penyata kewangan agensi negeri terlibat telah diberi Sijil Tanpa Teguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2015 sehingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

Pengesahan Penyata Kewangan 2018

Dua (2) penyata kewangan BBN
diberi Sijil Tanpa Teguran

Tiga (3) penyata kewangan PBT
diberi Sijil Tanpa Teguran

**JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI
 PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 SEHINGGA 2018**

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2015	2016	2017	2018
1.	Pendapat Tanpa Teguran	26	26	24	5
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	1	-	1	-
3.	Pendapat Berteguran	1	2	1	-
4.	Pendapat Bertentangan	-	-	-	-
5.	Penafian Pendapat	-	-	-	-
JUMLAH		28	28	26	5

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 - 2018

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Bagi Pihak Berkuasa Tempatan pula, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di DUN. Secara keseluruhannya, pembentangan penyata kewangan agensi yang telah disahkan di DUN adalah memuaskan. Sehingga 31 Ogos 2019, sebanyak 22 penyata kewangan Agensi bagi tahun kewangan 2017 telah dibentangkan di DUN.

Pembentangan Penyata Kewangan 2017

22 agensi telah bentang di DUN

3 agensi belum bentang di DUN

1 agensi, iaitu Taman Ibrahim Muar tidak perlu bentang di DUN

6.2. Sebanyak tiga (3) agensi masih belum membentangkan penyata kewangan tahun 2017 di DUN, iaitu Perbadanan Stadium Johor, Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor dan Majlis Daerah Kota Tinggi. Penyata Kewangan Taman Ibrahim Muar tidak perlu dibentangkan di DUN. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DUN SETAKAT 31 OGOS 2019

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Johor	09.08.2018
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	07.03.2019
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	07.03.2019
4.	Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor	29.11.2018
5.	Yayasan Pelajaran Johor	07.03.2019
6.	Perbadanan Taman Negara Johor	07.03.2019
7.	Perbadanan Islam Johor	30.06.2019
8.	Perbadanan Stadium Johor	Belum Bentang
9.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor	Belum Bentang
10.	Taman Ibrahim Muar	Tidak Perlu Bentang
PIHKAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	07.03.2019
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	07.03.2019
3.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	07.03.2019
4.	Majlis Perbandaran Kulai	07.03.2019
5.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	07.03.2019
6.	Majlis Perbandaran Segamat	07.03.2019
7.	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang	07.03.2019
8.	Majlis Perbandaran Kluang	07.03.2019
9.	Majlis Daerah Simpang Renggam	07.03.2019
10.	Majlis Perbandaran Muar	07.03.2019
11.	Majlis Daerah Tangkak	07.03.2019
12.	Majlis Daerah Yong Peng	07.03.2019
13.	Majlis Daerah Pontian	07.03.2019
14.	Majlis Daerah Labis	30.06.2019
15.	Majlis Daerah Mersing	30.06.2019
16.	Majlis Daerah Kota Tinggi	Belum Bentang

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti bagi agensi. Analisis prestasi kewangan agensi disediakan berdasarkan kepada dua (2) daripada 14 penyata kewangan BBN/MAI dan tiga (3) daripada 16 penyata kewangan PBT bagi tahun 2018 yang memperoleh Pendapat Tanpa Teguran. Baki sebanyak 25 agensi tidak diambil kira prestasi kewangannya kerana 19 penyata kewangan masih belum dimuktamadkan dan enam (6) penyata kewangan masih belum diterima.

7.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

7.1.1. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2018 bagi dua (2) BBN adalah baik berbanding tahun 2017. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, lebihan pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM87.58 juta atau 4.4% dan lebihan jumlah aset meningkat sejumlah RM291.58 juta atau 11%. Aset semasa bersih meningkat sejumlah RM46.54 juta atau 24.7% berbanding tahun 2017. Selain itu, lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa juga meningkat sejumlah RM78.72 juta atau 83.9% berbanding tahun 2017. Prestasi kewangan dua (2) BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	PERKARA	2018	2017	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan Pendapatan Terkumpul	2,079.10	1,991.52	87.58	4.4
2.	Lebihan Jumlah Aset	2,953.10	2,661.52	291.58	11.0
3.	Aset Semasa Bersih	234.86	188.32	46.54	24.7
4.	Lebihan Pendapatan Semasa	172.59	93.87	78.72	83.9

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2018

7.1.2. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, satu (1) BBN iaitu Perbadanan Johor mencatatkan lebihan berjumlah RM173 juta. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN
NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN		
		BERAKHIR 31 DISEMBER 2018			PADA 31 DISEMBER 2018		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Perbadanan Johor	812.00	639.00	173.00	1,432.00	1,198.00	234.00
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	8.80	9.21	-0.42	0.92	0.06	0.86
JUMLAH		820.80	648.21	172.59	1,432.92	1,198.06	234.86

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

7.1.3. Analisis Aset

- a. Aset BBN terdiri daripada aset semasa dan aset bukan semasa seperti harta tanah, loji dan peralatan, pelaburan, penghutang dan wang tunai. Pada akhir tahun 2018, kedua-dua Badan Berkanun Negeri mempunyai aset berjumlah RM7.525 bilion berbanding RM7.138 bilion pada tahun 2017, iaitu peningkatan sejumlah RM386.94 juta atau 5.4%. Kedudukan aset pada 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

Aset BBN

Jumlah aset bagi 2 BBN ialah RM7.525 bilion.

Peningkatan nilai aset semasa bersih disumbangkan oleh Perbadanan Johor berjumlah RM47 juta.

JADUAL 7
KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN NEGERI
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Johor	7,524	7,136	388	5.4
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	1.17	2.23	-1.06	-47.5
JUMLAH		7,525.17	7,138.23	386.94	5.4

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2018

- b. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih meningkat sejumlah RM46.54 juta atau 24.7%. Peningkatan nilai aset semasa bersih sebahagian besarnya disumbangkan oleh Perbadanan Johor dengan jumlah peningkatan sebanyak RM47 juta atau 25.1%. Kedudukan aset semasa bersih pada 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KEDUDUKAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH
PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Johor	234	187	47	25.1
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	0.86	1.32	-0.46	-34.8
JUMLAH		234.86	188.32	46.54	24.7

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2018

7.1.4. Analisis Pelaburan

Pada 31 Disember 2018, jumlah pelaburan bagi satu (1) BBN iaitu Perbadanan Johor adalah sejumlah RM6.414 bilion. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan harta tanah, pelaburan saham tersiar harga dan lain-lain. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah RM170 juta atau 2.7%, iaitu daripada RM6.244 bilion pada 31 Disember 2017 kepada RM6.414 bilion pada 31 Disember 2018 seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN
NEGERI PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta)		SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta)		LAIN-LAIN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
		2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
1.	Perbadanan Johor	4,515	4,685	4	4	1,895	1,555	6,414	6,244

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2018

7.1.5. Analisis Liabiliti

Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan jangka panjang dengan komponen utama seperti pinjaman, pembiutang, deposit dan pendahuluan. Jumlah liabiliti bagi dua (2) Badan Berkanun Negeri meningkat sejumlah RM95.35 juta atau 2.1%. Analisis Audit mendapati Perbadanan Johor mencatatkan peningkatan nilai liabiliti yang paling ketara, iaitu sejumlah RM96 juta disebabkan oleh peningkatan pembiayaan dan pinjaman, pembiutang liabiliti jangka panjang serta liabiliti cukai tertunda. Kedudukan liabiliti BBN adalah seperti dalam **Jadual 10**.

Liabiliti BBN

Jumlah liabiliti bagi 2 BBN ialah RM4,572 bilion.

Peningkatan berjumlah RM95.35 juta atau 2.1% disebabkan oleh pembiayaan pinjaman, pembiutang perniagaan dan lain-lain.

JADUAL 10
KEDUDUKAN LIABILITI BADAN BERKANUN
NEGERI PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Johor	4,572.00	4,476.00	96.00	2.1
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	0.06	0.71	-0.65	-91.5
	JUMLAH	4,572.06	4,476.71	95.35	2.1

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2017 dan 2018

7.1.6. Analisis Nisbah

- a. Analisis nisbah terdiri dari nisbah semasa, nisbah cepat dan nisbah hutang. Analisis nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah agensi. Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi Perbadanan Johor adalah rendah disebabkan oleh liabiliti semasa yang tinggi berbanding Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim yang mempunyai nisbah semasa yang tinggi.
- b. Selain itu, analisis nisbah hutang juga digunakan untuk mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Nisbah hutang juga digunakan untuk mengukur kemampuan agensi memenuhi obligasi kepada pembiutang. Analisis Audit menunjukkan Perbadanan Johor mempunyai nisbah hutang 65% dan Nisbah Kecairan kurang daripada dua (2) yang menunjukkan kemampuan agensi berkenaan untuk memenuhi tanggungan jangka pendek. Bagaimanapun, Perbadanan Johor mampu menjalankan aktiviti dengan efisien kerana mempunyai Aliran Tunai Bersih yang positif dan tinggi. Analisis kecairan dan kestabilan dua (2) BBN bagi tahun 2018 seperti dalam **Jadual 11**.

Kecairan dan Kestabilan

Nisbah Semasa yang rendah oleh Perbadanan Johor disebabkan liabiliti semasa yang tinggi.

Lebih 50% aset Perbadanan Johor dibiayai oleh hutang dan Nisbah Kecairannya kurang dari 2.

Aliran Tunai Bersih Perbadanan Johor adalah positif dan tinggi.

JADUAL 11
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN
BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2018

BIL.	AGENSI NEGERI	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA (RM Juta)	ALIRAN TUNAI BERSIH	NISBAH HUTANG (%)
					(RM Juta)	
1.	Perbadanan Johor	1.20	0.30	234.0	89.00	65.0
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	14.41	13.91	0.86	-1.11	5.7

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

7.2. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

7.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2018, Perbadanan Johor telah melabur sejumlah RM4.519 bilion dalam 41 syarikat. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh Perbadanan Johor adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
ANALISIS PELABURAN PADA KOS DALAM ANAK
SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU PADA 31 DISEMBER 2018

PERKARA	PERBADANAN JOHOR
Anak Syarikat (100%)	29
Anak Syarikat (>50%)	7
Syarikat Bersekutu (<50%)	1
Lain-lain Anak Syarikat	4
JUMLAH SYARIKAT	41
PELABURAN (RM Juta)	4,519.00

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

7.2.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati Perbadanan Johor memiliki ekuiti melebihi 50% dalam 36 anak syarikat di mana 34 anak syarikat berstatus aktif dan dua (2) berstatus dorman. Bilangan anak syarikat BBN adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
BILANGAN ANAK SYARIKAT YANG AKTIF DAN DORMAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	BBN	BILANGAN ANAK SYARIKAT (Ekuiti Lebih Daripada 50%)		
		STATUS AKTIF	STATUS DORMAN	JUMLAH SYARIKAT
1.	Perbadanan Johor	34	2	36

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2018

7.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2018, sebanyak 22 anak syarikat yang aktif di Perbadanan Johor mempunyai keuntungan terkumpul keseluruhannya yang berjumlah RM8.211 bilion. Dari segi kerugian terkumpul pula, analisis Audit mendapati 19 anak syarikat Perbadanan Johor mempunyai kerugian terkumpul keseluruhan berjumlah RM1.246 bilion. Antara anak syarikat yang mencatatkan keuntungan terkumpul tertinggi ialah KPJ Healthcare Berhad sejumlah RM3.726 bilion dan Business Chronicles Sdn. Bhd. sejumlah RM1.993 bilion. KPJ Healthcare merupakan pemberi perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menawarkan pendidikan juga latihan dalam bidang perubatan. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat Perbadanan Johor bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL
ANAK SYARIKAT BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	BBN	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL BERSIH (RM Juta)
		BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	
1.	Perbadanan Johor	22	8,210.74	19	1,245.77	6,964.97

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat Tahun 2018

7.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

7.3.1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, secara keseluruhannya prestasi kewangan bagi tiga (3) PBT telah mencatatkan penurunan lebihan sejumlah RM26.29 juta atau 53.4% berbanding tahun sebelumnya. Dua (2) PBT iaitu Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Daerah Tangkak mencatatkan lebihan manakala Majlis Daerah Pontian mencatatkan defisit bagi tahun 2018 seperti dalam **Jadual 15**. Pada tahun 2018, Majlis Daerah Pontian mencatatkan defisit berjumlah RM1.39 juta berbanding lebihan RM11.10 juta pada tahun 2017 dengan penurunan prestasi kewangan sebanyak RM12.49 juta atau 112.5% seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 15
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31.12.2018		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	LEBIHAN/DEFISIT	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	178.22	154.02	24.20	178.72	82.22	96.50
2.	Majlis Daerah Pontian	42.96	44.35	-1.39	72.40	25.14	47.26
3.	Majlis Daerah Tangkak	22.14	22.00	0.14	24.97	19.25	5.72
JUMLAH		243.32	220.37	22.95	276.09	126.61	149.98

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

JADUAL 16
KEDUDUKAN PERUBAHAN LEBIHAN/DEFISIT BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018	2017	PERUBAHAN	
		LEBIHAN/DEFISIT	LEBIHAN/DEFISIT		
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	24.20	37.85	-13.65	-36.1
2.	Majlis Daerah Pontian	-1.39	11.10	-12.49	-112.5
3.	Majlis Daerah Tangkak	0.14	0.29	-0.15	-51.7
JUMLAH		22.95	49.24	-26.29	-53.4

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

7.3.2. Aset/Liabiliti Semasa Bersih

Pada tahun 2018, aset semasa bersih bagi tiga (3) PBT adalah berjumlah RM149.48 juta, iaitu meningkat sejumrah RM21.20 juta atau 16.5% berbanding tahun 2017. Dua (2) PBT iaitu Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Daerah Pontian mencatatkan peningkatan dalam aset semasa bersih manakala Majlis Daerah Tangkak mencatatkan pengurangan dalam aset semasa bersih pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Ini disebabkan terdapat pengurangan aset semasa seperti urus niaga bukan pertukaran belum terima dan simpanan tetap yang telah dicairkan. Liabiliti semasa bagi Majlis Daerah Tangkak juga telah meningkat disebabkan terimaan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) dan Geran Kerajaan. Kedudukan aset/liabiliti semasa bersih bagi tiga (3) PBT pada tahun berakhir 31 Disember 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH PBT
DI NEGERI JOHOR PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN 2018			TAHUN 2017		
		ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	178.72	82.22	96.50	166.10	80.05	86.05
2.	Majlis Daerah Pontian	72.40	25.14	47.26	55.96	20.64	35.32
3.	Majlis Daerah Tangkak	24.97	19.25	5.72	25.68	18.77	6.91
JUMLAH		276.09	126.61	149.48	247.74	119.46	128.28

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

7.3.3. Hasil Cukai Taksiran dan Tunggakan Hasil Taksiran

- Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Sehingga akhir tahun 2018, sejumrah RM156.75 juta cukai taksiran telah diterima oleh tiga (3) PBT Negeri Johor. Hasil cukai taksiran tahun 2018 meningkat sejumrah RM8.07 juta atau 5.4% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2017. Hasil cukai taksiran tiga (3) PBT bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	116.71	106.50	10.21	9.6
2.	Majlis Daerah Pontian	27.31	26.39	0.92	3.5
3.	Majlis Daerah Tangkak	12.73	15.79	-3.06	-19.4
JUMLAH		156.75	148.68	8.07	5.4

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

- b. Penyata Kewangan bagi tiga (3) PBT menunjukkan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berjumlah RM36.40 juta, iaitu peningkatan sejumlah RM2.59 juta atau 7.7% berbanding tahun sebelumnya. Analisis terhadap tunggakan hasil cukai taksiran mendapati dua (2) PBT, iaitu Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Daerah Pontian telah mencatatkan peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Majlis Daerah Tangkak pula menunjukkan penurunan tunggakan cukai taksiran berjumlah RM0.37 juta atau 5.2%. Antara sebab peningkatan tunggakan ini ialah sikap pemilik pegangan yang tidak prihatin dan bertanggungjawab untuk membayar cukai. Kedudukan terperinci tunggakan hasil cukai taksiran bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK
BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2018 DAN 2017

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	26.81	24.16	2.65	11.0
2.	Majlis Daerah Pontian	2.90	2.59	0.31	12.0
3.	Majlis Daerah Tangkak	6.69	7.06	-0.37	-5.2
JUMLAH		36.40	33.81	2.59	7.7

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2017 dan 2018

7.3.4. Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2018, jumlah pendapatan bagi tiga (3) PBT adalah RM156.75 juta manakala tunggakan cukai taksiran adalah berjumlah RM36.40 juta. Ini menunjukkan jumlah tunggakan cukai taksiran adalah 23.2% daripada pendapatan cukai taksiran bagi tahun 2018. Majlis Daerah Tangkak mencatatkan tunggakan tertinggi berbanding jumlah pendapatan cukai taksiran iaitu 52.6%. Analisis tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PERATUS TUNGGAKAN BERBANDING
PENDAPATAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2018

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN	PENDAPATAN	TUNGGAKAN BERBANDING PENDAPATAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	26.81	116.71	23.0
2.	Majlis Daerah Pontian	2.90	27.31	10.6
3.	Majlis Daerah Tangkak	6.69	12.73	52.6
JUMLAH		36.40	156.75	23.2

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

8. BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREAS*)

8.1. Cukai Taksiran

8.1.1. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Analisis Audit terhadap penyata kewangan bagi tiga (3) PBT, iaitu Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Daerah Pontian dan Majlis Daerah Tangkak mendapati hasil cukai taksiran menyumbang antara 64.5% hingga 70.2% daripada pendapatan PBT. Semakan Audit secara ringkas terhadap pengurusan cukai taksiran di PBT mendapati:

- a. PBT telah mencapai sasaran kutipan cukai taksiran yang ditetapkan;
- b. nilai dan kadar cukai taksiran mengikut kadar yang berkuatkuasa, iaitu antara 0.1% (rumah rezab melayu/kampung tradisional) hingga 0.8% (perindustrian); dan
- c. peruntukan hutang rugu telah disediakan berdasarkan polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri, iaitu bagi tunggakan cukai taksiran dengan usia enam (6) tahun ke atas.

8.1.2. Analisis terhadap laporan pengumuran tunggakan cukai taksiran bagi Majlis Perbandaran Pasir Gudang mendapati 48.5% atau RM13.80 juta telah tertunggak antara satu (1) hingga 12 bulan. Baki 51.5% atau RM14.64 juta cukai taksiran telah tertunggak antara 13 hingga melebihi 72 bulan. Seterusnya, bagi Majlis Daerah Pontian, 52.4% atau RM1.52 juta telah tertunggak antara satu (1) hingga 12 bulan. Analisis pengumuran tunggakan cukai taksiran adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
LAPORAN PENGUMURAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN MAJLIS
PERBANDARAN PASIR GUDANG DAN MAJLIS DAERAH PONTIAN BAGI TAHUN 2018

USIA TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (Bulan)	MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG		MAJLIS DAERAH PONTIAN	
	(RM Juta)	%	(RM Juta)	%
1 hingga 12	13.80	48.5	1.52	52.4
13 hingga 24	5.99	21.1	0.54	18.6
25 hingga 36	3.47	12.2	0.29	10.0
37 hingga 48	1.81	6.4	0.24	8.3
49 hingga 60	1.04	3.7	0.14	4.8
61 hingga 72	0.69	2.4	0.14	4.8
Melebihi 72 bulan	1.64	5.8	0.03	1.0
JUMLAH	28.44	100.0	2.90	100.0

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

8.1.3. Analisis bagi Majlis Daerah Tangkak tidak dapat dibuat kerana maklumat pengumuran tunggakan cukai taksiran di sistem e-PBT berbeza dengan penyata penyesuaian hasil.

9. RUMUSAN AUDIT

9.1. Secara keseluruhannya, sebanyak lima (5) penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 adalah memuaskan di mana 24 daripada 30 agensi negeri telah menyerahkan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara sehingga 31 Ogos 2019.

9.2. Prestasi kewangan bagi tiga (3) PBT adalah kurang memuaskan kerana telah mencatatkan penurunan lebihan sejumlah RM26.29 juta atau 53.4% pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya.

9.3. Semakan Audit secara ringkas terhadap pengurusan cukai taksiran di PBT mendapati tiga (3) PBT telah mencapai sasaran kutipan cukai taksiran yang ditetapkan.

10. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

10.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi

penyata yang ditandatangani oleh pengurus dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan). Selain itu, pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan juga perlu disertakan bersama;

10.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa;

10.3. PBT perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan. Antara tindakan yang perlu diambil ialah mengeluarkan dan menghantar notis tuntutan, mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang, mengadakan kaunter bergerak dan menyita pegangan yang berkaitan.

10.4. mempercepatkan penyerahan Penyata Kewangan BBN, MAI dan PBT. Sehingga 31 Ogos 2019, empat (4) daripada 13 akaun BBN, satu (1) MAI dan satu (1) daripada 16 akaun PBT bagi tahun 2017 belum diterima oleh Jabatan Audit Negara.

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA RAYA NEGERI

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan dengan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2017 telah dibentangkan pada 29 November 2018. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2017 telah dibentangkan di Dewan Negeri Johor pada **7 Mac 2019**.


2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

Bagi tempoh bulan Oktober 2018 hingga Ogos 2019, Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor telah bersidang sebanyak (9) kali untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2015, 2016 dan 2017. Jawatankuasa juga telah menjemput ketua jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Butiran ringkas mengenai perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DI
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI JOHOR

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA YANG DIBINCANGKAN
TAHUN 2018			
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1/2015			
4/2018	01.10.2018	1. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor 2. Pejabat Daerah Johor Bahru 3. Pejabat Daerah Kota Tinggi 4. Pejabat Daerah Pontian 5. Majlis Daerah Kota Tinggi 6. Majlis Daerah Pontian	Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA YANG DIBINCANGKAN
TAHUN 2018			
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1/2015			
5/2018	04.11.2018	1. Unit Pengurusan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor 2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, SUK Kerajaan Negeri Johor 3. Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	Pengurusan Hartanah Milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor
TAHUN 2019			
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 & 2/2016			
1/2019	15.01.2019	1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor 2. Majlis Bandaraya Johor Bahru	Pengurusan Bantuan Am Pengurusan Lesen Papan Iklan
2/2019	29.01.2019	1. Majlis Daerah Kota Tinggi 2. Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah 3. Majlis Perbandaran Kluang	Pengurusan Perolehan Pengurusan Perolehan Pengurusan Perolehan
3/2019	12.02.2019	1. Majlis Daerah Pontian 2. Pejabat Tanah Batu Pahat 3. Pejabat Tanah Mersing	Pengurusan Perolehan Lesen Pendudukan Sementara Lesen Pendudukan Sementara
4/2019	26.02.2019	1. Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd. 2. Bio Desaru Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Pengurusan Syarikat Kerajaan
5/2019	19.03.2019	1. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, SUK Kerajaan Negeri Johor 2. Jabatan Perhutanan Negeri Johor	Pengurusan Projek Ladang Hutan
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 & 2/2017			
6/2019	19.03.2019	1. Majlis Agama Islam Negeri Johor	Pengurusan Hartanah Baitulmal
7/2019	08.04.2019	1. Majlis Bandaraya Johor Bahru 2. Majlis Perbandaran Muar 1. Majlis Perbandaran Batu Pahat	Pengendalian dan Penyenggaraan Loji Rawatan Kumbahan Awam di Bandaraya Johor Bahru Pengurusan Perolehan Pengurusan Perolehan
8/2019	04.08.2019	1. Jabatan Kerja Raya Negeri Johor 2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, SUK Kerajaan Negeri Johor 3. Pejabat Tanah Kulai	Pengurusan Penswastaan Penyenggaraan Jalan Negeri Pengurusan Hasil Tanah
9/2019	20.08.2019	1. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, SUK Kerajaan Negeri Johor 2. Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor, SUK Kerajaan Negeri Johor 3. SUK Bahagian Kerajaan Tempatan	Pengurusan Sistem e-PBT Johor



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor dan agensi negeri pada tahun 2018 adalah baik. Dari segi prestasi kewangan secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018 adalah stabil. Bagi prestasi pelaksanaan projek pembangunan Rancangan Johor Lima (5) Tahun (RJ5T) oleh kerajaan negeri untuk tahun 2018, pencapaiannya adalah baik. Prestasi kewangan agensi negeri adalah memuaskan. Prestasi kewangan kerajaan negeri dan agensi negeri boleh dimantapkan lagi dengan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. meningkatkan penyeliaan dan pemantauan terhadap pengendalian penyata kewangan bagi memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk mengurangkan pembayaran di bawah AP 58(a) dan mematuhi peraturan pembayaran yang ditetapkan;
- b. meningkatkan usaha untuk mencari sumber pendapatan baharu dan mengurangkan tunggakan hasil bagi memenuhi keperluan perbelanjaan mengurus dan pembangunan; dan
- c. mempercepatkan penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
21 Oktober 2019**

LAMPIRAN

LAMPIRAN I



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 13 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Johor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Johor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Johor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Johor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Johor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Johor telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan selaras dengan keperluan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 SEPTEMBER 2019



LAMPIRAN II

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI JOHOR DAN BENDAHARI NEGERI JOHOR

Pernyataan Kewangan Kerajaan Negeri Johor dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) Mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61),
Piaawaian Perakaunan Kerajaan dan 'International Public Sector Accounting Standard'
– Financial Reporting under the cash basis of Accounting'; dan
- (b) Dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Johor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018.


DATO' HAJI A.RAHIM BIN HAJI NIN

Pegawai Kewangan Negeri

JOHOR.

20 Mac 2019


HAIRON NAZLI BIN HESA

Bendahari Negeri

JOHOR.

20 Mac 2019

LAMPIRAN III

KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

LAPORAN : LT001

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 (RM)	2017 (RM)
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	700,063,477.66	979,473,722.15
PELABURAN	4	1,764,216,209.88	1,445,209,504.68
		<u>2,464,279,687.54</u>	<u>2,424,683,226.83</u>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	1,126,437,507.47	1,122,847,615.01
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,337,842,180.07	1,301,835,611.82
		<u>2,464,279,687.54</u>	<u>2,424,683,226.83</u>

LAMPIRAN IV

KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

LAPORAN : LT003

	2018 (RM)	2017 (RM)	
TERIMAAN			
HASIL			
Hasil Cukai	500,111,945.14	451,555,105.91	
Hasil Bukan Cukai	779,646,511.73	908,468,982.53	
Terimaan Bukan Cukai	263,268,838.24	196,673,186.87	
	1,543,027,295.11		1,556,697,275.31
PINJAMAN			
Pinjaman Dalam Negeri	-	-	
Pinjaman Luar Negeri	-	-	
	0.00		0.00
TERIMAAN MODAL			
Jualan Instrumen Kewangan	1,134,999,995.00	1,805,209,504.68	
	1,134,999,995.00		1,805,209,504.68
TERIMAAN LAIN			
Terimaan Amanah	7,839,350,831.84	7,415,704,176.08	
	7,839,350,831.84		7,415,704,176.08
JUMLAH TERIMAAN	10,517,378,121.95		10,777,610,956.07
BAYARAN			
PERBELANJAAN MENGURUS			
Emolumen	496,132,560.92	482,239,953.08	
Perkhidmatan Dan Bekalan	244,451,686.51	246,103,226.91	
Aset	10,211,284.19	18,770,388.41	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	765,740,045.70	798,799,984.47	
Perbelanjaan Lain	21,237,702.38	5,511,690.37	
	1,537,773,279.70		1,551,425,243.24
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			
Langsung	614,874,065.05	710,508,687.09	
Pinjaman	-	-	
	614,874,065.05		710,508,687.09
PERBELANJAAN MODAL			
Pelbagai Perbelanjaan Modal	-	-	
Pembelian Instrumen Kewangan	1,454,006,700.20	1,730,215,846.91	
	1,454,006,700.20		1,730,215,846.91
BAYARAN BALIK PINJAMAN			
Pinjaman Dalam Negeri	-	-	
Pinjaman Kepada Agenzi /	-	-	
Pindahan Kepada Akaun Amanah	0.00	0.00	
BAYARAN LAIN			
Bayaran Amanah	7,190,134,321.49	6,949,630,948.21	
	7,190,134,321.49		6,949,630,948.21
JUMLAH BAYARAN			
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai	10,796,788,366.44	10,941,780,725.45	
	(279,410,244.49)		(164,169,769.38)
Wangtunai Pada, 1 Januari	979,473,722.15	1,143,643,491.53	
Wangtunai Pada, 31 Disember	700,063,477.66		979,473,722.15

LAMPIRAN V

**KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

LAPORAN : LT002

	NOTA	<u>ANGGARAN</u> <u>RM</u>	<u>SEBENAR</u> <u>RM</u>	<u>SEBENAR</u> <u>RM</u>
HASIL	5	1,504,334,000.00	1,543,027,295.11	1,556,697,275.31
TOLAK : BELANJA MENGURUS	5	1,606,942,000.00	947,773,279.70	951,425,243.24
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(102,608,000.00)	595,254,015.41	605,272,032.07
TOLAK : BELANJA PEMBANGUNAN	7	700,000,000.00	614,874,065.05	710,508,687.09
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(802,608,000.00)	(19,620,049.64)	(105,236,655.02)
KURANGAN DIBIAYAI OLEH:				
PINJAMAN	6	-	-	-
TERIMAAN BALIK PINJAMAN DAN PELBAGAI TERIMAAN		27,025,247.33	20,763,008.92	20,763,008.92
PERUBAHAN TUNAI, PELABURAN DAN AMANAH	3 , 4 , 7	(7,405,197.69)	84,473,646.10	84,473,646.10
JUMLAH PEMBIAYAAN		19,620,049.64	105,236,655.02	105,236,655.02

LAMPIRAN VI

KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

Laporan: LT004

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA	2018 RM	2017 RM
MEMORANDUM ASET		
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	504,866,685.70	549,615,238.77
PELABURAN	702,371,231.38	694,368,796.14
	1,207,237,917.08	1,243,984,034.91
MEMORANDUM LIABILITI		
PINJAMAN	123,363,582.73	123,363,582.73
PROJEK/RANCANGAN BEKALAN AIR	334,514,923.90	334,514,923.90
PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH (PAKR)	16,575,517.67	16,575,517.67
PERBADANAN JOHOR	46,488,097.29	53,989,112.61
	520,942,121.59	528,443,136.91

LAMPIRAN VII

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

DASAR DAN KAEADAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan Penyata Kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan kerajaan Negeri Johor Darul Takzim.
- b) Perakaunan kerajaan Negeri Johor Darul Takzim adalah berasaskan Kumpulanwang Disatukan selaras dengan :
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulanwang;
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu;
 - iii) Seksyen 7, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) memperuntukkan Kumpulanwang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa;
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa;
 - iii) Mengakaunkan urusniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah , Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim.
- e) Tahun Kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

- f) Matawang yang digunakan dalam Penyata Kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM) . Urusniaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas penambahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya,
- i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) , Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting mengandungi komponen berikut;

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di intitusi kewangan yang dibenarkan. Mulai tahun 2011, pelaburan deposit dalam negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasikan sebagai wang tunai dalam bank selaras dengan Para 1.2.3 Cash Basis IPSAS.

Wang tunai dalam perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat Perbendaharaan Negeri Johor pada akhir tahun kewangan.

Wang tunai dalam tangan merupakan wang panjar.

Pada tahun semasa, didapati bahawa Hasil sebanyak RM 1,830,496.94 dimasukkan dua kali ke dalam penyata kewangan bagi tahun 2017. Penyata kewangan bagi 2017 telah dinyatakan semula bagi membetulkan kesilapan ini. Kesan penyataan semula terhadap penyata kewangan tersebut diringkaskan di bawah. Tidak ada kesan pada 2018. Jadual di bawah meringkaskan kesan kepada penyata kewangan 2017.

	Kesan Kepada 2017 (RM)
Pengurangan Hasil	1,664,122.95
Pengurangan Lebihan	1,664,122.95
Pengurangan Tunai	1,830,496.94
Pengurangan Aset Bersih/Ekuiti	1,830,496.94

Pada tahun semasa, didapati bahawa Kumpulanwang Amanah Kerajaan : Akaun Penyelesaian bagi tahun 2017 telah dikurang nyata sebanyak RM0.05. Penyata kewangan bagi 2017 telah dinyatakan semula bagi membetulkan kesilapan ini. Kesan penyataan semula terhadap penyata kewangan tersebut diringkaskan di bawah. Tidak ada kesan pada 2018. Jadual di bawah meringkaskan kesan kepada penyata kewangan 2017.

	Kesan Kepada 2017 (RM)
Penambahan Amanah	0.05
Penambahan Tunai	0.05
Penambahan Aset Bersih/Ekuiti	0.05

Wang Tunai pada 31 Disember 2018 adalah seperti Penyata LT005, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018.

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada pelaburan wang amanah dan pelaburan am dan di nyatakan dalam nilai buku.

Pelaburan wang amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulanwang Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9 dan Suratcara Amanah Seksyen 10., Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulanwang Yang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daipada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Mulai tahun 2011, pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasikan sebagai wang tunai dalam bank selaras dengan Para 1.2.3 Cash Basis IPSAS.

Pelaburan pada 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT006, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018.**

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urusniaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT007, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018.**

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana Undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), sebahagian hasil cukai pendapatan dipindahkan ke Kumpulanwang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai bagi tujuan bayaran balik cukai yang telah terlebih kutip.

Hasil Mengikut penjenisan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT013, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018.**

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut Undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT014, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018.**

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN.

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa Undang-undang Kerajaan Negeri.

Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri, Pinjaman Luar Negeri dan Pinjaman bagi membiayai Kumpulanwang Pinjaman Perumahan. Instrumen Pinjaman Dalam Negeri adalah Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk.

Bayaran Hutang Kerajaan Persekutuan tidak diakaunkan di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan – T05.

Akaun Pinjaman Disatukan seperti pada 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT008, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018**.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak Undang-undang, Akta-akta Acara Kewangan, Suratcara Amanah, Arahan Amanah dan Perjanjian. Wang Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan seperti pada 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT009, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018**.

(a) Kumpulanwang Amanah Kerajaan.

Kumpulanwang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari Peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Kumpulanwang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulanwang Pembangunan, Kumpulanwang Pinjaman Perumahan, dan Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan.

(i) Kumpulanwang Pembangunan

Kumpulanwang ini mengakaunkan terimaan dan bayaran perbelanjaan pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 (Akta 406).

Terimaan utama bagi Kumpulanwang ini terdiri daripada Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, Pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan terimaan bayaran dan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulanwang ini. Bayaran kepada kumpulanwang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau perbelanjaan melalui pinjaman.

Kumpulanwang Pembangunan pada 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT012 Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018**.

(ii) Pelbagai Kumpulanwang Amanah

Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulanwang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulanwang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulanwang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian dari kumpulanwang ini merupakan Kumpulanwang Pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulanwang pada 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT012 Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018**.

(b) Kumpulanwang Amanah Awam

Kumpulanwang Amanah Awam mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Akta Khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Kumpulan Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah Aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Sumber kewangan kumpulanwang ini adakah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulanwang Amanah Awam pada 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT012 Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018**.

(c) Akaun Deposit

Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah Undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit pada 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT012 Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018**.

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Tuntut

Pinjaman Boleh Tuntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun, Koperasi, Syarikat, Perseorangan dan Pelbagai.

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat dan badan-badan berkanun.

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti merupakan sebahagian liabiliti Kerajaan iaitu Hutang Kerajaan Negeri dan Pelbagai Liabiliti yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Mulai tahun kewangan 2011, Hutang Kerajaan Negeri disifatkan sebagai Pinjaman selaras dengan para 1.10 Cash Basis IPSAS. Pada akhir tahun, Hutang Luar Negeri dalam matawang asing ditukarkan kepada nilai setara Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia untuk tahun berakhir kewangan.

Memorandum Aset dan Liabiliti 31 Disember 2018 adalah seperti **Penyata LT004 Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018**.



AKRONIM

AKRONIM

ABT	Akaun Belum Terima
AP	Arahan Perbendaharaan
BBN	Badan Berkanun Negeri
KPRJ	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
MAI	Majlis Agama Islam
PBT	Pihak Berkuaasa Tempatan
PDT	Permodalan Darul Ta'zim
PIJ	Perbadanan Islam Johor
PKN	Pegawai Kewangan Negeri
PTJ	Pusat Tanggungjawab
RJ5T	Rancangan Johor Lima (5) Tahun
SAJ	Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.
SUK	Setiausaha Kerajaan
TAWNJ	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor
TPK	Tuntutan Pampasan Kematian



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2019
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
No. 15, Aras 1–5,
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 Putrajaya, Malaysia

